

Laporan
Tahunan

20



22

Memahami
Islam
Membina
Peradaban



30
IKIM
1992 - 2022

Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)



KANDUNGAN

Perutusan Timbalan Pengerusi ...	002
Laporan Eksekutif Ketua Pengarah ...	004
Ahli Lembaga Pengarah ...	006
Mesyuarat Agung Tahunan IKIM Ke-30 ...	012
Mesyuarat Lembaga Pengarah ...	017
Bab 1: Penyelidikan ...	022
Bab 2: Program Akademik dan Latihan ...	030
Bab 3: Aktiviti Radio dan tvIKIM ...	062
Bab 4: Penerbitan ...	082
Bab 5: Perpustakaan ...	090
Bab 6: Kunjungan Hormat ...	094
Bab 7: Anugerah dan Pengiktirafan ...	100
Bab 8: Maklumat Organisasi ...	102
Bab 9: Perundingan IKIM ...	116
Bab 10: Kalendar Peristiwa IKIM ...	124
Bab 11: Ringkasan/Rumusan 2022 ...	130
Bab 12: Penyata Kewangan ...	134

PERUTUSAN TIMBALAN PENGERUSI

Tahun 2022 memberikan makna yang besar buat IKIM kerana pada tahun ini genap 30 tahun usia penubuhannya. Selama tempoh 30 tahun ini, IKIM telah melakar pelbagai bentuk pencapaian pada peringkat nasional dan antarabangsa yang amat membanggakan. Dalam tempoh ini juga, IKIM terus berada pada landasan yang selari dengan matlamat dan peranannya dalam memberikan kefahaman Islam yang sebenar kepada masyarakat Islam dan bukan Islam khususnya di negara ini.

Tahun 2022 merupakan tahun yang amat bermakna kerana menyaksikan kemampuan kita semua mengharungi cabaran pandemik COVID-19, namun masih mampu melunaskan tanggungjawab yang diamanahkan. IKIM sendiri, yang berperanan sebagai sebuah pusat pemikir dan pusat penyelidikan telah dengan jayanya menghasilkan lebih 126 artikel dari pelbagai mauduk yang mengetengahkan pandangan dan fikiran kritis para ahli akademik IKIM terhadap pelbagai isu yang berlebar di dalam negara kita bagi tujuan pembangunan minda ummah. Artikel atau penulisan-penulisan ini telah disiarkan di akhbar-akhbar utama negara dan di platform-platform lain media sosial dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris.

Pada tahun ini juga, IKIM telah menganjurkan sebanyak 23 program akademik sama ada secara fizikal atau hibrid seperti seminar, muzakarah pakar, perbincangan meja bulat dan kongres yang mengetengahkan pelbagai topik isu semasa.

Penganjuran program ini antaranya seperti Seminar “Mengekalkan Kedaulatan Makanan Negara Dalam Mendepani Cabaran Perubahan Iklim dan Sekuriti Makanan: Perspektif Islam” (21 Jun 2022), Perbincangan Meja Bulat “Input Perundungan Kajian Keberkesanan Fatwa Malaysia” (28 Februari 2022) Webinar “Pembebasan Palesten: Di Mana Suara Negara-negara Islam?” (12 April 2022), Seminar Antarabangsa “*Discourse on Islam and Biomedical Ethics: The Way Forward*” (5 Julai 2022), Seminar Antarabangsa “*Unlocking Wisdom Of Islam For Comprehensive Development*” (23 Ogos 2022), Kongres Nasional “Islam, Keluarga Malaysia dan Keharmonian: Membina Agenda Kalis Cabaran Masa Depan” (19-20 Mei 2023), “*International Forum Royal Professor Ungku A.Aziz: Expanding The Frontiers of Development*” (15 Disember 2022), Syarahan Khas oleh Yang Teramat Mulia Sheikh Dr. Mohammad Abdulkarim Al-Issa bertajuk “*Religion, Moderation and Peaceful Coexistence*” (28 Jun 2022) dan lain-lain.

Amat membanggakan, pada tahun 2022 telah menyaksikan IKIM menerima kahadiran dua orang tetamu Diraja. Pada 12 Oktober 2022, DYMM Sultan Selangor telah mencemar duli melakukan lawatan ke IKIM dan seterusnya menyampaikan Titah Syarahan Diraja kepada kira-kira 200 orang tetamu jemputan. Seterusnya pada 15 Disember 2022, IKIM menerima kunjungan daripada DYMM Sultan Perak yang mencemar duli merasmikan program “*International Forum Royal Professor Ungku A.Aziz: Expanding The Frontiers of Development*” yang berlangsung di Dewan Besar IKIM. Bukan itu sahaja, IKIM turut menerima kunjungan tokoh pada peringkat antarabangsa, iaitu Setiausaha Agung Liga Arab, Tuan Yang Terutama, Dr. Mohamad Sheikh Dr. Mohammad Abdulkarim Al-Issa pada 28 Jun 2022.



YBhg. Dato' Wan Mohamad bin Dato' Sheikh Abdul Aziz

Semua pencapaian ini tidak akan berlaku tanpa usaha gigih warga IKIM yang sentiasa memastikan agenda dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) tahunan IKIM mencapai sasaran yang sewajarnya malah memastikan pencapaian yang cemerlang saban tahun.

Akhir kata, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada YBhg. Prof. Madya Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil yang telah dilantik sebagai Ketua Pengarah IKIM pada 3 Februari 2022. Saya percaya, di bawah kepimpinan beliau, IKIM akan terus mencipta kecemerlangan ke arah sebuah institusi pemikir yang disegani pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Lembaga Pengarah sekali lagi merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada warga IKIM atas kesetiaan, khidmat dan kecemerlangan pada tahun 2022.

Secara peribadi, saya amat terkesan dengan kepimpinan dan wawasan Pengerusi IKIM yang baharu dilantik mulai 24 Februari 2022, yang telah berhijrah ke alam baqa', iaitu Almarhum Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Mohd Kamal bin Hassan. Semoga Allah SWT qabulkan segala amalan dan jasanya yang besar untuk Malaysia dan dunia Islam serta dunia akademik khasnya. Kami titipkan doa agar Jannah adalah destinasi akhir buat Tuan guru yang kami kasih.

إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ

LAPORAN EKSEKUTIF KETUA PENGARAH

Bismillahirrahmanirrahim.
Assalamualaikum Warahmatullahiwarabarakatuh

Pertamanya, saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurniaan-Nya, kita diberi keizinan oleh Allah SWT IKIM dapat menyambut 30 tahun penubuhannya pada tahun 2022.

Dalam kesempatan ini, saya menyeru agar semua warga IKIM dan seluruh pendengar Radio IKIM dan penonton tvIKIM, dapat memulakan tahun baharu 2023 ini dengan penuh semangat, azam serta iltizam yang tinggi. Semoga tahun ini dan tahun-tahun mendatang sentiasa memberikan peluang untuk kita melaksanakan urusan kehidupan dan pekerjaan dengan berjaya dan cemerlang.

Insya-Allah, sama-sama kita mendoakan semoga kita semua diberikan kekuatan dan keafiatan untuk terus menyumbang demi agama, bangsa dan negara sebagaimana sabda Rasulullah SAW menerusi sepotong hadis yang bermaksud, “Rebut lima perkara sebelum datang lima perkara. Masa sihat sebelum sakit, kaya sebelum miskin, lapang sebelum sibuk, muda sebelum tua dan hidup sebelum mati” (Hadis riwayat al-Hakim dan al-Baihaqi).

Tahun 2022 menyaksikan sinar yang cerah kerana kita biarpun bukan secara total, namun boleh dikatakan dapat keluar daripada pandemik COVID-19. Justeru, banyak aktiviti dapat dilaksanakan secara fizikal. Oleh yang demikian, IKIM sendiri dapat melaksanakan hampir 90 peratus program seperti yang dirancangkan. Begitu juga kita dapat melaksanakan beberapa program secara kerjasama dengan pihak luar seperti penganjuran Meja Bulat “Pelaksanaan Konsep Pampasan dalam Perundangan Malaysia” yang dilaksanakan secara kerjasama dengan JAKIM

dan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM). Itu salah satu contoh yang dapat saya nyatakan, bahkan banyak lagi program secara sinergi dan silang agensi dilaksanakan oleh IKIM.

Disebalik cabaran pandemik COVID-19 dan ekonomi yang tidak menentu, saya bersyukur kerana IKIM pada tahun 2022 berjaya merealisasikan peranannya menyampaikan kefahaman Islam melalui penganjuran lebih 30 program. Resolusi penganjuran program seperti seminar, persidangan meja bulat, muzakarah pakar dan sebagainya diserahkan kepada pihak kerajaan yang akhirnya diharap akan memberikan manfaat kepada masyarakat.

Pencapaian IKIM yang lain dapat dilihat melalui pegawai-pegawai IKIM yang dilantik dalam pelbagai bidang dan penerimaan anugerah serta pengiktirafan seperti yang berikut:

- i. Pelantikan Fellow Kehormat Institut Masa Depan Malaysia (MASA).
- ii. Pelantikan sebagai Pensyarah Adjung Universiti Teknologi Petronas (UTP).
- iii. Pelantikan sebagai Ahli Majlis Kebangsaan Hal Ehwal agama Islam Malaysia (MKI).
- iv. Pelantikan sebagai Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Islam Malaysia.
- v. Anugerah Tokoh Utama Maal Hijrah 1444H Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
- vi. Memenangi Kategori Pengimbang Bunyi Terbaik Anugerah Sri Angkasa anjuran Radio Televisyen Malaysia (RTM).

Saya juga ingin menyatakan bahawa IKIM akan memastikan agar Pelan Teras Strategik yang telah digubal untuk tempoh 2021–2023 bagi melakar



YBhg. Prof. Madya Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil

agenda perancangan IKIM dalam mencapai visi dan misi yang ditetapkan, selaras dengan dasar dan aspirasi negara di samping memperkasakan program transformasi IKIM, mencapai matlamat seperti yang digariskan.

Bagi tahun 2023, insya-Allah IKIM akan memperkasakan aplikasi teknologi digital bagi memantapkan lagi sistem penyampaian kepada masyarakat. Perkara ini dilihat satu pendekatan holistik agar penyebaran kefahaman Islam yang sebenar dapat disampaikan kepada pelbagai kelompok generasi di negara ini.

Saya juga ingin mengingatkan diri saya, warga kerja IKIM dan para pendengar Radio IKIM dan penonton tvIKIM khususnya, marilah kita melaksanakan tanggungjawab yang dipikul dengan penuh amanah, jujur dan berintegriti tinggi. Sentiasa berbuat baik sesama manusia, terapkan sifat-sifat mahmudah ke dalam diri sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud: "Jika kamu berbuat kebaikan (maka faedah) kebaikan yang kamu lakukan adalah untuk diri kamu dan jika kamu berbuat kejahanatan maka (kesan yang buruk) berbalik kepada diri kamu juga." (*al-Isrā'*, ayat 7). Semoga perbuatan baik ini akan mendapat ganjaran dan pahala yang besar di sisi Allah SWT.

Akhir kata, marilah kita sama-sama berdoa kepada Allah SWT, semoga merahmati kehidupan kita semua dan diberikan petunjuk serta kekuatan untuk menjalankan amanah dengan sebaik mungkin.

Sekian. Wabillahit taufiq wal hidayah.
Assalamualaikum Warahmatullahi warabarakatuh

AHLI LEMBAGA PENGARAH



YBhg. Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Mohd Kamal bin Hassan

Kelulusan

1. Columbia University, New York, PhD (Dept. of Near & Middle East Culture).
2. Columbia University, New York, M. Phil. (Dept. of Near & Middle East Culture).
3. Columbia University, New York, M.A. (Dept. of Near & Middle East Culture).
4. University of Malaya B.A. (Hons.) First Class (Islamic Studies).



YBhg. Dato' Wan Mohamad bin Dato' Sheikh Abdul Aziz

Kelulusan

1. B.A. (Hons) (UKM).
2. Diploma Pendidikan (UKM).
3. Diploma in Management Science (INTAN).



**YBhg. Prof. Madya Dr. Mohamed Azam
bin Mohamed Adil**

Kelulusan


1. Ijazah Doktor Falsafah (PhD) Undang-undang, School of Oriental and African Studies (SOAS), University of London, United Kingdom.
2. Ijazah Sarjana Undang-undang, School of Oriental and African Studies (SOAS), University of London, United Kingdom.
3. Ijazah Sarjana Muda Syariah (Kepujian), Universiti Malaya.



**YBhg. Datuk Dr. Abdul Monir
bin Yaacob**

Kelulusan

1. Ijazah Doktor Falsafah (PhD) Undang-Undang, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).
2. M.Phil. in Law, (University of London).
3. Diploma in Law, (University of London).
4. Al-Aliyah (Universiti Al-Azhar).



**YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Isahak
bin Haron**

Kelulusan

1. Ijazah Doktor Falsafah (PhD) (University of Chicago).
2. M.Ed. (University of Sydney).
3. B.A. (Hons) (Universiti Malaya).
4. Diploma Pendidikan (Pengajian Melayu & Islam) (Universiti Malaya).



**YBhg. Prof. Datuk ChM. Ts. Dr. Taufiq Yap
Yun Hin FASc**

Kelulusan

1. Ijazah Doktor Falsafah (PhD) (Pemangkinan Heterogen) (University of Manchester Institute of Science & Technology (UMIST), United Kingdom).
2. Master Sains (Kimia Sebatian Semulajadi) (Universiti Pertanian Malaysia (UPM)).
3. Bachelor/Ijazah Sains Kepujian (Kimia) (Kelas Kedua Tinggi), (Universiti Pertanian Malaysia (UPM)).



**YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Mohd. Yusof
bin Hj. Othman FASc**

Kelulusan

1. Ijazah Doktor Falsafah (PhD) (Solar Energy) (University of Aston, United Kingdom).
2. Sarjana Sains (Solid State Physics) (University of London).
3. Ijazah Sarjana Muda (Fizik) (Universiti Kebangsaan Malaysia [UKM]).



**YBhg. Datuk Hj. Ahamed Basheer
bin Mohd Hussain**

Kelulusan

1. B.A. (Hons.) Pengajian Islam (Al-Quran & Qiraat) (Universiti Al-Azhar, Cairo).
2. Diploma Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat.



**YBhg. Prof. Dato' Noor Aziah
binti Mohd Awal**

Kelulusan

1. LL.M (University of Kent at Canterbury, England).
2. LL.B (Hons.) (University of Essex, Colchester, England).



**YBhg. Datuk Hj. Misnu
bin Hj. Taha**

Kelulusan

1. Senior Executive Fellow Programme (Harvard University, USA).
2. Bachelor of Arts (Hons.), (Universiti Kebangsaan Malaysia [UKM]).
3. Higher School Certificate (Kolej Datu Patinggi Abang Haji Abdillah, Kuching, Sarawak).



**YBhg. Tan Sri Dato' Sri Hamad Kama Piah
bin Che Othman**

Kelulusan

1. Masters of Philosophy (University of Swansea, United Kingdom).
2. Diploma in Statistics (Universiti Teknologi MARA, UiTM/ ITM).



**YBrs. En. Mohamad Ibrahim
bin Ghazali**
Setiausaha Syarikat

Kelulusan

1. Bachelor in Accountancy (Hons) (UiTM).
2. Chartered Accountants (MIA 20637).
3. Licensed Company Secretary (202008001136).

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN IKIM KE-30

Mesyuarat Agung Tahunan Institut Kefahaman Islam Malaysia Ke-30 yang dipengerusikan oleh YBhg. Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Mohd Kamal bin Hassan, Pengerusi IKIM telah diadakan pada 13 Jun 2022 di Dewan Besar, IKIM. Turut hadir ialah Ahli-ahli Lembaga Pengarah dan Ahli IKIM yang kesemuanya seramai 19 orang.

1. Pada mesyuarat tersebut, YBhg. Tan Sri Pengerusi:
 - 1.1 Mengalu-alukan seorang ahli baharu IKIM yang telah dilantik pada tahun ini iaitu:
 - i. YBhg. Prof. Madya Dr. Muhammad Hakimi bin Mohd Shafai Pensyarah Pusat Pembangunan Inklusif dan Mampan Fakulti Ekonomi dan Pengurusan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
2. Mesyuarat bersetuju menerima Laporan Tahunan IKIM Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021 yang mengandungi aktiviti-aktiviti dan pencapaian IKIM pada tahun 2022.
3. Mesyuarat bersetuju melantik Firma Khairuddin Hasyudeen & Razi (KHR) sebagai Juruaudit IKIM berkuat kuasa mulai Penyata Kewangan IKIM Bagi Tahun Berakhir 2022.
4. Memilih seseorang Ahli Lembaga Pengarah selaras dengan Fasal 42, 44 dan 46 Perlembagaan Institut.
 - 4.1 Setiausaha memaklumkan bahawa selaras dengan Fasal 42 Perlembagaan IKIM, Mesyuarat Agung mempunyai kuasa untuk melantik lima (5) orang Ahli Lembaga Pengarah dan tempoh memegang jawatan adalah selama tiga (3) tahun. Sehubungan dengan itu, pada Mesyuarat Agung Tahunan Ke-30, terdapat tiga (3) orang Ahli Lembaga Pengarah lantikan Mesyuarat Agung yang akan tamat tempoh perkhidmatan, iaitu:
 - i. YBhg. Datuk Dr. Abdul Monir bin Yaacob
 - ii. YBhg. Profesor Emeritus Dato' Dr. Mohd Yusof bin Othman
 - iii. YBhg. Profesor Datuk ChM. Ts. Dr. Taufiq Yap Yun Hin
- 4.2 Mengikut Fasal 46 Perlembagaan IKIM, ketiga-tiga Ahli Lembaga Pengarah yang telah tamat tempoh adalah layak untuk pemilihan semula. Setiausaha telah menerima surat persetujuan daripada ketiga-tiga Ahli Lembaga tersebut untuk dipilih semula.
- 4.3 Seorang ahli institut, iaitu YBrs. Tuan Haji Mohd Roslan bin Mohd Saluddin yang disokong oleh YBhg. Datuk Sr Zakaria bin Hashim telah mencadangkan YBrs. Tuan Haji Mohammad Sahar bin Mat Din sebagai calon bagi mengisi salah satu kekosongan jawatan Ahli Lembaga Pengarah tersebut.
- 4.4 Ekoran daripada itu, proses pemilihan diadakan secara undian. Proses dan urusan pengundian dikendalikan oleh Juruaudit Khairuddin Hasyudeen & Razi (KHR).
- 4.5 Berdasarkan keputusan undian yang telah diterima daripada ahli-ahli, YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Mohd Yusof bin Othman, YBhg. Profesor Datuk Dr. Taufiq Yap Yun Hin dan YBhg. Datuk Dr. Abdul Monir bin Yaacob telah dilantik semula sebagai Ahli Lembaga Pengarah IKIM bagi tempoh tiga (3) tahun, iaitu mulai tahun 2022 hingga 2025.
5. Ahli-ahli institut bersetuju meluluskan pembayaran Elaun Ahli Lembaga Pengarah berjumlah RM138,613.00 setahun bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021.
- 5.1 Pengurusan IKIM merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada Ahli Lembaga Pengarah dan memaklumkan bahawa amaun elaun yang diterima oleh Ahli

Lembaga Pengarah adalah munasabah dan dalam jumlah yang minima berbanding dengan komitmen dan sumbangan yang telah diberikan.

6. Pelantikan Juruaudit untuk Akaun Tahun Kewangan 2022

- 6.1 Akauntan Utama memaklumkan berkenaan keperluan pelantikan juruaudit syarikat awam untuk kerja-kerja pengauditan di bawah Seksyen 271 Akta Syarikat 2016.
- 6.2 Ahli-Ahli institut bersetuju dengan syor di perenggan 3.3 kertas pertimbangan itu iaitu Firma Khairuddin Hasyudeen & Razi (KHR) dilantik sebagai Juruaudit IKIM berkuatkuasa mulai Penyata Kewangan IKIM Bagi Tahun Berakhir 2022.

7. Perbincangan Usul

Tiada usul diterima daripada ahli-ahli IKIM.

8. Hal-hal Lain

YBhg. Datuk Sr Zakaria bin Hashim mengutarakan pandangan beliau terhadap perkara-perkara yang berikut:

8.1 Penyebaran Dakwah

- i. IKIM disarankan agar memperbanyak aktiviti dan penyebaran dakwah kepada netizen dan generasi muda agar dapat membendung kerosakan akidah dan amalan dari segi halal haram di alam siber yang memberikan kesan negatif terhadap golongan remaja.
- ii. IKIM disyorkan supaya menyebarkan dakwah dengan memanfaatkan geran yang diperoleh daripada kerajaan agar dapat menghasilkan kajian yang memberangsangkan.

8.2 Kajian

- i. IKIM digesa agar memberikan tumpuan dan melakukan sedikit perubahan pada kajian terhadap isu “Islamophobia”, “ekstrimis hindu”, “gejala rasuah” dan “keruntuhan akhlak” dalam kalangan ahli politik berbangsa Melayu di Malaysia. Sesetengah Fellow yang membuat kajian dengan catatan buku-buku daripada para ulama dan ahli akademik, tidak mendatangkan kesan yang begitu hebat dalam kalangan masyarakat tetapi hanya kepada golongan akademik. Beliau juga meminta agar buku yang ditulis oleh YBhg. Tan Sri Pengerusi dijadikan sebagai asas untuk membuat kajian berkenaan fakta dalam membuat perubahan pemikiran ahli politik, sistem politik dan bekerjasama dengan pihak NGO serta mendesak kerajaan untuk melakukan perubahan.
- ii. Kesimpulan kajian yang dilaksanakan oleh pihak FBI mengenai golongan anti- Islam daripada Amerika berkaitan kemurnian agama Islam adalah sangat baik dan wajar diberi perhatian.

8.3 Tanah IKIM

- i. Tanah IKIM di Sabah Jawatankuasa Kerja Projek Pembangunan Bersepadu yang dipengerusikan oleh YBrs. Tuan Haji Ir. Dr. Muhamad Fuad bin Abdullah disyorkan supaya menggunakan pakai konsep pembangunan di Putrajaya bagi memajukan tanah di Sabah. Beliau mencadangkan agar bangunan-bangunan dan asrama-asrama dibina untuk disewakan kepada kerajaan dan para pelajar.

- ii. Tanah IKIM di Kuantan
IKIM diminta agar membina sebuah Sekolah Islam Antarabangsa di atas tanah yang berkeluasan 10 ekar supaya dapat pulangan untuk kebaikan IKIM.
- iii. Tanah IKIM di Jalan Duta, Kuala Lumpur
Tanah yang bernilai RM500 juta tersebut dipertahankan hak milik daripada diambil alih oleh Semantan Estate.

8.4 Ahli IKIM

YBhg. Datuk Sr Zakaria bin Hashim menyarankan kepada pihak pengurusan supaya mengutus surat kepada ahli-ahli yang tidak aktif, uzur dan tidak menghadiri Mesyuarat Agung untuk menarik diri daripada menjadi ahli IKIM. Ahli Lembaga Pengarah disyorkan untuk melantik calon-calon lain sebagai ahli IKIM untuk memberi sumbangan kepada IKIM.

8.5 Ahli Kumpulan Pemikir

IKIM dicadangkan agar mengaktifkan semula ahli kumpulan pemikir dalam kalangan Ahli Lembaga Pengarah dan ahli-ahli IKIM. Ini adalah untuk memberi peluang kepada Ahli Lembaga Pengarah bertemu dengan ahli-ahli bagi membincangkan masalah kejahilan dalam kalangan para pelajar sekolah, pengaruh alam siber, kandungan buku tulisan YBhg. Tan Sri Pengerusi dan juga isu-isu semasa untuk mempengaruhi kerajaan dalam bidang politik.

8.6 Pihak pengurusan memaklumkan bahawa adalah menjadi harapan yang besar kepada IKIM untuk mengambil perhatian terhadap isu-isu yang dibangkitkan oleh ahli-ahli dalam Mesyuarat hari ini. Tindakan akan diambil dan pihak pengurusan telah menggariskan beberapa perkara termasuk status ahli IKIM dan cadangan pembangunan tanah di Sabah untuk dibawa kepada Mesyuarat Lembaga Pengarah yang akan datang. Selaras dengan asas penubuhan IKIM, pihak pengurusan juga telah mengenal pasti cara atau model pengisian alam digital melalui Radio IKIM yang membawa kepada fikrah Islam di Malaysia.

Senarai Kehadiran Mesyuarat Agung Tahunan IKIM Ke-30 seperti yang berikut:

1. YBhg. Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Mohd Kamal bin Hassan
2. YBhg. Dato' Wan Mohamad bin Dato' Sheikh Abd. Aziz
3. YBhg. Prof. Madya Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil
4. YBhg. Tan Sri Dato' Sri Hamad Kama Piah bin Che Othman
5. YBhg. Datuk Hj. Ahamed Basheer bin Mohd. Hussain
6. YBhg. Prof. Dato' Noor Aziah binti Mohd Awal
7. YBhg. Datuk Hj. Misnu bin Hj. Taha
8. YBhg. Dato' Dr. Abdul Monir bin Yaacob
9. YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Mohd Yusof bin Hj. Othman
10. YBhg. Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Abd. Shukor bin Hj. Husin
11. YBhg. Datuk Sr. Zakaria bin Hashim
12. YBrs. Tn. Hj. Mohd Roslan bin Mohd Saludin
13. YBrs. Pn. Nur Hayati binti Baharuddin
14. YBrs. Tn. Hj. Muhammad bin Abdullah @ Nicholas Sylvester
15. YBrs. Dr. Yusri bin Mohamad
16. YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Isahak bin Haron
17. YBhg. Prof. Dato' Dr. Mohd Farid Ravi bin Abdullah
18. YBrs. Tn. Hj. Mohammad Sahar bin Mat Din
19. YBhg. Prof. Madya Dr. Muhammad Hakimi bin Mohd Shafai

SENARAI AHLI IKIM

Bil.	Nama	Tarikh Menjadi Ahli
1.	YBhg. Dato' Dr. Abdul Halim bin Hj. Ismail	4 Mac 1993
2.	YBhg. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim (Meninggal dunia pada 31 Julai 2022)	4 Mac 1993
3.	YBhg. Dato' Abdul Jamil bin Mohd. Ali	4 Mac 1993
4.	YBhg. Tan Sri Mohd. Effendi bin Norwawi	4 Mac 1993
5.	YBhg. Ir. Hj. Arshad bin Hj. Marsidi	4 Mac 1993
6.	YBhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Sulaiman bin Mahbob	4 Mac 1993
7.	YBhg. Datuk Dr. Hj. Noordin bin Hj. Abd. Razak	15 Mac 1993
8.	YBhg. Prof. Dato' Dr. Mohd. Mansor bin Hj. Salleh	22 Mac 1993
9.	YBhg. Tan Sri Dato' Seri Utama Nor Mohamed bin Yakcop	22 Mac 1993
10.	YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Isahak bin Haron	22 Mac 1993
11.	YBhg. Tan Sri Wan Azmi bin Wan Hamzah	14 April 1993
12.	YBhg. Dato' Dr. Sidek bin Baba (Meninggal dunia pada 25 November 2022)	15 April 1993
13.	YBhg. Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Abd. Shukor bin Hj. Husin	15 April 1993
14.	YBrs. Tn. Hj. Ahmad bin Berek	15 April 1993
15.	YBhg. Datuk Sr. Zakaria bin Hashim	15 April 1993
16.	YBhg. Tan Sri Dato' Hj. Ahmad bin Mohd. Yusof	15 April 1993
17.	YBhg. Dato' Dr. Muhammad Nur Manuty	27 April 1993
18.	YBhg. Dato' Haji Muhamad Asri bin Hj. Abdullah	26 Julai 1993
19.	YBhg. Tan Sri Dato' Tajuddin bin Ramli	2 Ogos 1993
20.	YBhg. Prof. Madya Dr. Balkis binti Hj. Abu Bakar	15 April 1994
21.	YBhg. Datuk Alias bin Ali	25 Januari 1995
22.	YBrs. Pn. Hjh. Marina binti Yusof	25 Januari 1995
23.	YBhg. Ir. Dr. Muhammad Fuad bin Abdullah	11 Disember 1998
24.	YBhg. Dato' Muhammad Redzuan bin Abdullah	9 Ogos 1999
25.	YBhg. Tan Sri Datuk Prof. Ir. Dr. Hj. Ahmad Zaidee bin Laidin	19 Julai 2000
26.	YBhg. Prof. Dr. Kasmini binti Kassim	20 September 2000
27.	YBhg. Datuk Nik Mohamed Affandi bin Nik Yusoff	4 Mei 2001
28.	YBhg. Prof. Dato' Dr. Abu Bakar bin Abdul Majeed	7 Oktober 2002
29.	YBhg. Dato' Hjh. Shamsuriah binti Sulaiman	19 September 2003
30.	YM Prof. Dr. Engku Rabiah Adawiah binti Engku Ali	2 Mei 2006
31.	YBhg. Tan Sri Sheikh Ghazali bin Hj. Abdul Rahman	1 Oktober 2008
32.	YBrs. Tn. Hj. Mohd Roslan bin Mohd Saludin	29 Mei 2009
33.	YBhg. Prof. Datuk Dr. Syed Othman Alhabshi	9 Oktober 2009
34.	YBhg. Dato' Wan Mohamad bin Dato' Sheikh Abd. Aziz	22 Disember 2010
35.	YBhg. Prof. Dato' Seri Dr. Zaleha binti Kamaruddin	14 November 2011
36.	YBhg. Prof. Dr. Syed Omar bin Syed Agil	14 November 2011
37.	YBhg. Prof. Dr. Mohd Nazari bin Ismail	22 November 2012
38.	YBhg. Dr. Yusri bin Mohamad	9 September 2016

Bil.	Nama	Tarikh Menjadi Ahli
39.	YAA Dato' Dr. Mohd Na'im bin Mokhtar	9 September 2016
40.	YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Mohd Yusof bin Hj. Othman	12 Mei 2017
41.	YBhg. Prof. Madya Datin Dr. Nooraini binti Othman	12 Mei 2017
42.	YBhg. Prof. Dato' Dr. Ariff bin Osman	12 Mei 2017
43.	YBhg. Dato' Dr. Abdul Monir bin Yaacob	20 April 2018
44.	YBhg. Dato' Ahmad Nazim bin Abd Rahman	7 Jun 2018
45.	YBrs. Tuan. Hj. Mohammad Sahar bin Mat Din	7 Jun 2018
46.	YBhg. Prof. Datuk Dr. Shamrahayu binti Ab. Aziz	7 Jun 2018
47.	YBhg. Prof. Datuk Dr. Taufiq Yap Yun Hin	17 Ogos 2018
48.	YBhg. Datuk Dr. Azizan binti Baharuddin	15 Mei 2019
49.	YBhg. Datuk Haji Ahamed Basheer bin Mohd Hussain	5 September 2019
50.	YBhg. Prof. Dato' Noor Aziah binti Mohd Awal	5 September 2019
51.	YBhg. Tan Sri Dato' Sri Hamad Kama Piah bin Che Othman	1 Jun 2020
52.	YBhg. Datuk Hj. Misnu bin Hj.Taha	19 Jun 2020
53.	YBhg. S.S. Datu Hj. Kipli bin Hj. Yassin	1 September 2021
54.	YBrs. Tn. Haji Muhammad bin Abdullah @ Nicholas Sylvester	1 September 2021
55.	YBhg. Prof. Madya Dr. Mohd Farid Ravi bin Abdullah	1 September 2021
56.	YBrs. Puan Nur Hayati binti Baharuddin	1 September 2021
57.	YBhg. Prof. Madya Dr. Muhammad Hakimi bin Mohd Shafai	28 April 2022
58.	YBrs. Tn. Hj. Sakaria bin Semela	27 Oktober 2022

MESYUARAT

LEMBAGA

PENGARAH

Mesyuarat Lembaga Pengarah IKIM pada tahun berakhir 31 Disember 2022 telah bersidang sebanyak enam (6) kali, iaitu pada 24 Februari 2022, 28 April 2022, 29 Jun 2022, 25 Ogos 2022, 27 Oktober 2022 dan 22 Disember 2022.

Senarai kehadiran mesyuarat untuk tahun 2022 adalah seperti yang berikut:

Bil.	Nama	Bil. Hadir Mesyuarat Lembaga Pengarah
1.	YBhg. Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Mohd Kamal bin Hassan Pengerusi IKIM	(5/6)
2.	YBhg. Dato' Wan Mohamad bin Dato' Sheikh Abd. Aziz Naib Pengerusi	(6/6)
3.	YBhg. Prof. Madya Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil Ketua Pengarah	(6/6)
4.	YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Isahak bin Haron Ahli	(6/6)
5.	YBhg. Dato' Dr. Abdul Monir bin Yaacob Ahli	(6/6)
6.	YBhg. Prof. Datuk ChM. Ts. Dr. Taufiq Yap Yun Hin Ahli	(6/6)
7.	YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Mohd. Yusof bin Hj. Othman Ahli	(5/6)
8.	YBhg. Datuk Hj. Ahamed Basheer bin Mohd Hussain Ahli	(5/5)
9.	YBhg. Prof. Dato' Noor Aziah binti Mohd Awal Ahli	(5/5)
10.	Datuk Hj. Misnu bin Hj. Taha Ahli	(5/6)
11.	YBhg. Tan Sri Dato' Sri Hamad Kama Piah bin Che Othman Ahli	(5/6)

Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah membuat keputusan perkara-perkara yang diusulkan oleh Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah.



JAWATANKUASA-JAWATANKUASA LEMBAGA PENGARAH

1. JAWATANKUASA PERJAWATAN & KEMAJUAN KERJAYA

Keahlian Jawatankuasa:

- i. YBhg. Dato' Wan Mohamad bin Dato' Sheikh Abdul Aziz **Pengerusi**
- ii. YBhg. Prof. Madya Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil **Ahli**
- iii. YBhg. Prof. Dato' Noor Aziah binti Mohd Awal **Ahli**
- iv. YBhg. Prof. Datuk ChM. Ts. Dr. Taufiq Yap Yun Hin **Ahli**
- v. YBhg. Datuk Hj. Misnu bin Hj. Taha **Ahli**

Jawatankuasa ini telah bermesyuarat sebanyak empat (4) kali, iaitu pada 23 Mei 2022, 3 Ogos 2022, 14 Oktober 2022 dan 6 Disember 2022.

Mesyuarat telah membincangkan perkara seperti yang berikut:

- i. Cadangan Pemangkuhan dan Kenaikan Pangkat, Pelantikan Jawatan Baharu, Pengisian Jawatan dan Pelantikan Baharu Cadangan Pelanjutan Kontrak Fellow Kehormat IKIM dan Pelantikan Baharu Fellow Kehormat IKIM
- ii. Cadangan Penambahbaikan Pekeling Sistem Penilaian Prestasi dan Borang LNPT
- iii. Cadangan Penambahbaikan Dasar dan Pengurusan Bakat dan Pelan Penggantian

- v. Cadangan Pelanjutan Tempoh Pinjaman, Pelanjutan Tempoh Pemangkuhan dan Penamatan Tempoh Pemangkuhan.
- vi. Cadangan Temu Duga Berstruktur Bagi Kumpulan Pengurusan & Profesional.
- vii. Cadangan Bayaran Elaun Penanggungan Kerja Kepada Pegawai-Pegawai IKIM.
- viii. Cadangan Temuduga Kenaikan Pangkat Pegawai
- ix. Cadangan Pengukuhan Struktur Organisasi di Bahagian/Unit IKIM
- x. Cadangan Pergerakan Gaji Tahunan Bagi Tahun 2022.
- xi. Cadangan Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Bagi Tahun 2022.
- xii. Cadangan Pemberian Anugerah Khidmat Setia IKIM 2022.
- xiii. Cadangan Pemberian Anugerah Setia Cemerlang 25 Tahun.
- xiv. Cadangan Pemberian Anugerah Khas 30 Tahun IKIM.

2. JAWATANKUASA KEWANGAN, PELABURAN & AKAUN

Keahlian Jawatankuasa:

- i. YBhg. Tan Sri Dato' Sri Hamad Kama Piah bin Che Othman **Pengerusi**
- ii. YBhg. Dato' Wan Mohamad bin Dato' Sheikh Abdul Aziz **Ahli**
- iii. YBhg. Prof. Madya Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil **Ahli**
- iv. YBhg. Datuk Haji Ahamed Basheer bin Mohd. Hussain **Ahli**
- v. YBhg. Datuk Hj. Misnu bin Hj. Taha **Ahli**

Jawatankuasa ini telah bermesyuarat sebanyak empat (4) kali dan satu (1) kali Mesyuarat Khas, iaitu pada 19 Januari 2022, 2 Jun 2022, 4 Ogos 2022 (Mesyuarat Khas), 18 Oktober 2022 dan 19 Disember 2022.

Mesyuarat telah membincangkan perkara seperti yang berikut:

- i. Laporan Prestasi Kewangan Tahun 2022.
- ii. Laporan Kedudukan Portfolio Pelaburan Tahun 2022.
- iii. Pembentangan Pengurus Dana.
- iv. Laporan Kemajuan Penambahbaikan Perjanjian Pengurus Dana.
- v. Laporan Portfolio dan Kepelbagai Pelaburan.
- vi. Laporan Kemajuan Pelan Tindakan Inisiatif-Inisiatif Pendapatan.
- vii. Cadangan Menetapkan Dasar Tempoh Perjanjian Pengurusan Pelaburan.
- viii. Cadangan Mendapatkan Kelulusan Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri di Bawah Sub-Seksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967.
- ix. Cadangan Pengurusan Wakaf di Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)
- x. Cadangan Bajet IKIM Tahun 2023.

3. JAWATANKUASA AUDIT

Keahlian Jawatankuasa:

- i. YBhg. Tan Sri Dato' Sri Hamad Kama Piah bin Che Othman **Pengerusi**
- ii. YBhg. Dato' Wan Mohamad bin Dato' Sheikh Abdul Aziz **Ahli**
- iii. YBhg. Datuk Hj. Ahamed Basheer bin Mohd Hussain **Ahli**
- iv. YBhg. Dato' Mohd Salleh bin Mahmud **Ahli**
- v. Puan Nur Hayati binti Baharuddin **Ahli**

Jawatankuasa ini telah bermesyuarat sebanyak tiga (3) kali, iaitu pada 13 April 2022, 20 September 2022 dan 30 November 2022.

Mesyuarat telah membincangkan perkara seperti yang berikut:

- i. Pembentangan Perancangan Audit (*Audit Plan*) oleh Juruaudit Khairuddin Hasyudeen & Razi (KHR).
- ii. Pembentangan Perancangan Audit Tahunan.
- iii. Laporan Pengauditan Terhadap Pengurusan Perolehan.
- iv. Laporan Status Penilaian Semula Harga Koleksi Tamadun Islam (KTI).
- v. Laporan Pengauditan Susulan Terhadap Koleksi Tamadun Islam (KTI).

- vi. Cadangan Piagam Audit Dalam.
- vii. Cadangan Rancangan Tahunan Audit Dalam 2022.
- viii. Kajian Semula Rancangan Audit Tahunan Bagi Tahun 2022.
- ix. Cadangan Pengauditan Terhadap Pengurusan Stor Tahun 2022.
- x. Cadangan Penambahbaikan Terma Rujukan Jawatankuasa Audit IKIM.

4. JAWATANKUASA TATATERTIB DAN DISIPLIN

Keahlian Jawatankuasa:

- i. YBhg. Prof. Dato' Noor Aziah binti Mohd Awal **Pengerusi**
- ii. YBhg. Dato' Wan Mohamad bin Dato' Sheikh Abdul Aziz **Ahli**
- iii. YBhg. Prof. Madya Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil **Ahli**
- iv. YBhg. Tan Sri Dato' Sri Hamad Kama Piah bin Che Othman **Ahli**
- v. YBhg. Prof. Datuk Dr. Azizan bin Baharuddin **Ahli**

Jawatankuasa ini hanya bermesyuarat sekiranya terdapat kes tatatertib melibatkan warga kerja IKIM pada tahun ini. Pada tahun 2022, Jawatankuasa ini telah bermesyuarat satu (1) kali sahaja, iaitu pada 10 Januari 2022.

Mesyuarat telah membincangkan perkara Ketidakpatuhan Kepada Ketua Terhadap Organisasi.

5. JAWATANKUASA LEMBAGA TENDER IKIM

Keahlian Jawatankuasa:

- i. YBhg. Prof. Datuk ChM. Ts. Dr. Taufiq Yap Yun Hin **Pengerusi**
- ii. YBhg. Prof. Madya Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil **Ahli**
- iii. YBhg. Prof. Dato' Noor Aziah binti Mohd Awal **Ahli**
- iv. YBhg. Datuk Hj. Ahamed Basheer bin Mohd Hussain **Ahli**
- v. YBhg. Ir. Dr. Muhamad Fuad bin Abdullah **Ahli**



Jawatankuasa ini telah bermesyuarat sebanyak satu (1) kali, iaitu pada 18 Februari 2022.

Mesyuarat telah membincangkan perkara seperti yang berikut:

- i. Cadangan Melanjutkan Kontrak Perkhidmatan Kawalan Keselamatan untuk Dua (2) Tahun Bermula 1 Mac 2021 hingga 28 Februari 2023.
- ii. Cadangan Khas Melanjutkan Kontrak Perkhidmatan Kajian *Radio Audience Measurement (RAM)* Bagi Radio IKIM Untuk Tempoh Tiga (3) Tahun Bermula 1 Mac 2022 hingga 28 Februari 2025.

6. JAWATANKUASA LATIHAN

Keahlian Jawatankuasa:

- i. YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Mohd Yusof bin Hj. Othman **Pengerusi**
- ii. YBhg. Prof. Madya Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil **Ahli**
- iii. YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Isahak bin Haron **Ahli**
- iv. YBhg. Datuk Dr. Abdul Monir bin Yaacob **Ahli**

Jawatankuasa ini akan bermesyuarat sekiranya terdapat permohonan daripada pegawai IKIM untuk mengikuti program latihan jangka panjang dan latihan jangka sederhana. Jawatankuasa ini telah bermesyuarat sebanyak dua (2) kali, iaitu pada 9 Ogos 2022 dan 16 November 2022. Manakala mesyuarat khas sebanyak satu (1) kali pada 6 Disember 2022.

Mesyuarat telah membincangkan perkara seperti yang berikut:

- i. Cadangan Penambahbaikan Dasar Latihan IKIM.
- ii. Permohonan Cuti Belajar Bergaji Penuh Peringkat Doktor Falsafah En. Muhammad Mustaqim bin Malek, Puan Enizahura binti Abdul Aziz dan Puan Rosmidzatul Azila binti Mat Yamin.

7. JAWATANKUASA KERJA PROJEK PEMBANGUNAN BERSEPADU IKIM

Keahlian Jawatankuasa:

Keahlian:

- i. YBhg. Ir. Dr. Muhamad Fuad bin Abdullah **Pengerusi**
- ii. YBhg. Prof. Madya Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil **Ahli**
- iii. YBhg. Prof. Dato' Noor Aziah binti Mohd. Awal **Ahli**

- iv. YBhg. Prof. Datuk ChM. Ts. Dr. Taufiq Yap **Yun Hin Ahli**
- v. YBhg. Datuk Dr. Abdul Monir bin Yaacob **Ahli**

Jawatankuasa ini telah bermesyuarat sebanyak dua (2) kali, iaitu pada 21 Jun 2022 dan 2 November 2022.

Mesyuarat telah membincangkan perkara seperti yang berikut:

- i. Status Tanah IKIM di Bandar Indera Mahkota, Kuantan, Pahang dan cadangan untuk menubuhkan Pusat Latihan IKIM di Kuantan, Pahang.
- ii. Status Tanah IKIM di Menggatal, Kota Kinabalu Sabah dan cadangan pembinaan awal Pejabat IKIM Cawangan Sabah.

8. JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKO

Keahlian Jawatankuasa:

- i. YBhg. Datuk Dr. Abdul Monir bin Yaacob **Pengerusi**
- ii. YBhg. Prof. Madya Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil **Ahli**
- iii. YBhg. Tan Sri Dato' Sri Hamad Kama Piah bin Che Othman **Ahli**
- iv. YBhg. Datuk Haji Ahamed Basheer bin Mohd. Hussain **Ahli**
- v. YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Mohd. Yusof bin Hj. Othman **Ahli**
- vi. YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Isahak bin Haron **Ahli**

Jawatankuasa ini telah bermesyuarat sebanyak dua (2) kali, iaitu pada 11 April 2022 dan 28 September 2022 manakala mesyuarat khas sebanyak satu (1) kali pada 21 Jun 2022.

Mesyuarat telah membincangkan perkara seperti yang berikut:

- i. Laporan Jawatankuasa Kerja Pengurusan Risiko (JKPR).
- ii. Laporan Pencapaian Daftar Risiko dan Tahap Risiko IKIM.
- iii. Kesinambungan Perkhidmatan Siaran Radio IKIM.
- iv. Kedudukan Integriti IKIM.
- v. Maklum Balas Pelanggan IKIM.
- vi. Risiko Kepimpinan IKIM.



B A B 1

PENYELIDIKAN



Institut Kefahaman Islam Malaysia

BAB 1

PENYELIDIKAN

IKIM sentiasa memberikan perhatian terhadap usaha meningkatkan penyelidikan dalam pelbagai bidang kajian. IKIM turut berhasrat menjadi pusat rujukan pada peringkat tertinggi dalam pelbagai bidang kepakarannya. Sejarah dengan itu, IKIM akan terus mempertingkatkan jaringan kerjasama strategik bersama-sama dengan institusi dan organisasi yang berkaitan di dalam dan di luar negara. Tiga tumpuan utama penyelidikan yang digariskan dalam pelan strategik adalah untuk mempelopori bidang penyelidikan berstrategi, bermanfaat besar dan berimpak tinggi.

Penyelidikan di IKIM didokong oleh tiga Pusat Akademik, iaitu Pusat Kajian Syariah, Undang-undang dan Politik (SYARAK), Pusat Kajian Ekonomi dan Kemasyarakatan (EMAS) serta Pusat Kajian Sains dan Alam Sekitar (KIAS). Antara hasil daripada aktiviti penyelidikan ini termasuklah kertas polisi, penerbitan buku, laporan penyelidikan, artikel jurnal, hebahan dan perkongsian di Radio IKIM serta penulisan di akhbar-akhbar tempatan.

Sebagai sebuah institusi pemikir yang bertanggungjawab memupuk kefahaman Islam kepada masyarakat di dalam dan di luar negara, para ahli akademik IKIM berlitzam untuk menjalankan kajian penyelidikan tentang isu-isu terkini.

Sepanjang tahun 2022, terdapat empat projek penyelidikan yang telah tamat (rujuk Jadual 1)

Jadual 1: Penyelidikan Tamat Tahun 2022

Bil.	Pusat Akademik	Tajuk
1.	Pusat SYARAK	Islam Kepelbagai dan Hubungan antara Pengikut Agama Pelaksanaan Integrasi Kaedah Aqli dan Naqli dalam Kurikulum Pendidikan Islam di Malaysia
2.	Pusat EMAS	Gaji Kehidupan Wajar dan Perbahasan dalam Islam

Bil.	Pusat Akademik	Tajuk
3.	Pusat KIAS	Pembekuan Sel Sperma dan Telur daripada Individu yang belum Berkahwin atas Sebab Perubatan Menurut Perspektif Islam

Terdapat sebanyak lapan (8) penyelidikan yang sedang dijalankan (aktif) mengikut pusat akademik masing-masing seperti yang berikut:

PUSAT KAJIAN SYARIAH, UNDANG-UNDANG DAN POLITIK

Tajuk: Piagam Harmoni

Keharmonian dan keamanan hidup bermasyarakat merupakan perkara yang sentiasa perlu diberikan perhatian dan keutamaan. Bagi sebuah negara pelbagai kaum, agama dan budaya seperti Malaysia, keharmonian dan keamanan hidup bersama menjadi asas penting kepada kemakmuran dan pembangunan negara. Segala usaha ke arah pembinaan sebuah masyarakat berbilang agama, kaum dan budaya yang dapat hidup dalam keadaan harmoni di negara ini harus berteraskan nilai-nilai murni. Namun, usaha ke arah pembinaan negara yang harmoni ini bukanlah satu perkara yang mudah. Seperti yang terakam dalam lipatan sejarah negara, pelbagai bentuk cabaran yang berkait dengan kerharmonian kaum berlaku dan sebagiannya masih berlaku sehingga sekarang. Antara cabaran yang dihadapi ialah kesatuan bangsa yang masih longgar, prejudis antara kaum yang tinggi, kurang kefahaman dan sensitiviti antara kaum dan agama, penyalahgunaan media sosial untuk menimbulkan kebencian dan konflik antara budaya dan agama.

Menyedari cabaran-cabaran yang dihadapi oleh masyarakat pelbagai kaum dan agama di Malaysia hari ini dan juga sebagai menyokong inisiatif Dasar Perpaduan Negara yang dilancarkan oleh Kerajaan, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) menjalankan kajian untuk menghasilkan satu panduan yang bersifat inklusif dan boleh dijadikan panduan dan

rujukan oleh semua. Kajian yang dinamakan “Piagam Harmoni” ini boleh dijadikan satu panduan kepada masyarakat Malaysia dalam mengurus kepelbagaian ke arah perpaduan yang lebih mampan berpandukan prinsip-prinsip Rukun Negara dan Perlembagaan Persekutuan.

Tajuk: Kajian Tentang Tahap Kefahaman Hak Asasi Manusia dalam kalangan Penjawat Awam Muslim di Lembah Klang

Hak asasi manusia perlu dipelihara bagi menjamin maruah dan kehormatan manusia. Penegasan berhubung dengan kehormatan dan kemuliaan manusia diberikan al-Quran misalnya melalui ayat 70 surah *al-Isra'*. Walau bagaimanapun, manusia tidak memiliki hak atau kebebasan secara mutlak. Tanggapan bahawa manusia memiliki kemuliaan tertinggi dan kebebasan maksimum, iaitu berasaskan falsafah humanisme ternyata tidak benar sama sekali. Kefahaman yang menyeluruh tentang hak asasi manusia adalah amat penting terutamanya bagi individu yang terlibat secara langsung dengan isu, dasar dan amalan melindungi hak asasi setiap kumpulan dalam masyarakat. Kepentingan hal ini lebih ketara ketika berlangsungnya Semakan Berkala Sejagat (UPR) oleh Majlis Hak Asasi yang menilai rekod hak asasi 193 buah anggota PBB termasuk Malaysia. Sehubungan dengan itu, IKIM mengambil inisiatif untuk menjalankan penyelidikan yang bertajuk “Kajian Tentang Tahap Kefahaman Hak Asasi Manusia dalam kalangan Penjawat Awam Muslim di Lembah Klang”.

Kajian yang dijalankan ini bertujuan (i) meninjau isu dan masalah berkaitan dengan hak asasi manusia dalam kalangan penjawat awam Muslim di Lembah Klang; (ii) mengenal pasti tahap kesedaran, kefahaman, pengalaman dan penglibatan berkaitan dengan isu hak asasi manusia; dan (iii) memberikan saranan kepada pihak berkepentingan. Kajian ini menggunakan metodologi yang menggabungkan pendekatan kuantitatif dan kualitatif. Sasaran hasil kajian meliputi pengisian program Radio IKIM, penganjuran program seperti muzakarah pakar di samping penulisan artikel akhbar.



Tajuk: Kaedah Fiqah dalam Alasan Penghakiman Mahkamah Syariah: Analisis Terhadap Kes-Kes Mal

Kaedah fiqah merupakan hasil rumusan para ulama terhadap nas-nas syarak dan kemudiannya disusun sebagai suatu kaedah umum yang boleh dirujuk apabila sesuatu masalah berlaku. Apabila masalah berlaku dan mempunyai ‘illah yang sama dengan masalah ‘furu’ (cabang), maka ia memudahkan individu yang terlibat seperti pengamal perundangan untuk mengetahui hukum kerana persamaan ‘illah akan membawa kepada persamaan hukum. Perkara ini telah memberi ruang dan peluang kepada pengkaji untuk melihat peranan kaedah fiqah dalam penghakiman. Selari dengan hal ini, kehidupan masyarakat Islam kini semakin kompleks dan rumit. Keadaan ini menyebabkan berlakunya kes-kes yang sifatnya tidak sama seperti 5–10 tahun yang lalu. Dekad-dekad yang dahulu menyaksikan kemudahan internet dan digital tidak secanggih hari ini. Contohnya timbul persoalan sama ada perceraian yang dilafazkan secara *voice mail* boleh disamakan dengan lafadz talak secara bersemuka, ataupun sebaliknya.

Sehubungan dengan itu, hal-ehwal kekeluargaan sebagai sebahagian daripada perkara mal yang berada dalam bidang kuasa mahkamah syariah—merupakan subjek yang sangat penting kerana ia merupakan komponen asas kepada pembentukan sesebuah

masyarakat dan seterusnya kepada pembinaan negara. Sebarang isu yang melibatkan kekeluargaan perlu diberikan perhatian serius dengan mengambil pendekatan yang pelbagai asalkan tidak bertentangan dengan prinsip-prinsip syariah. Antara panduan yang sering digunakan oleh hakim dalam menyelesaikan konflik kekeluargaan termasuklah menggunakan kaedah fiqah. Satu aspek yang perlu dikaji ialah kaedah penghujahan hakim dalam mengaplikasikan kaedah fiqah tersebut. Oleh yang demikian, kaedah fiqah mungkin sangat perlu digunakan bagi mencapai satu panduan tertentu dalam mengeluarkan satu-satu keputusan.

PUSAT KAJIAN EKONOMI DAN KEMASYARAKATAN

Tajuk: Kajian Indeks Literasi Kewangan Islam dalam Kalangan Muslim di Malaysia

“Kajian Indeks Literasi Kewangan Islam dalam Kalangan Muslim di Malaysia” merupakan penyelidikan bersama antara pasukan penyelidik dari Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dengan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) serta Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), yang mengukur tahap literasi kewangan dalam kalangan masyarakat Muslim di Malaysia.

Literasi kewangan yang baik akan meningkatkan keupayaan sesebuah masyarakat untuk memproses maklumat-maklumat ekonomi dan membuat keputusan kewangan yang betul, seterusnya mempengaruhi pembangunan negara tersebut. Walau bagaimanapun, berdasarkan kajian semasa, tahap literasi kewangan masyarakat di Malaysia umumnya masih rendah. Menurut Kaji Selidik Keupayaan dan Rangkuman Kewangan yang dijalankan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) pada 2015 dan Kaji Selidik Gelagat Kewangan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) 2018, rakyat negara ini mempunyai daya tahan kewangan yang rendah dan mudah terjejas oleh kejutan kewangan. Berdasarkan kajian tersebut, masih ada ruang untuk meningkatkan tahap literasi kewangan masyarakat di Malaysia. Dalam masa yang sama, kedua-dua dapatan kajian tersebut hanya mengukur tahap literasi kewangan di Malaysia dan tidak mengambil kira tentang tahap literasi kewangan Islam. Bagi masyarakat Muslim, literasi kewangan Islam menjadi keutamaan dalam membuat keputusan ekonomi yang betul bagi mencapai kehidupan sejahtera di dunia dan di akhirat. Justeru, kajian ini merupakan satu usaha awal untuk mengukur tahap literasi kewangan Islam dan seterusnya mengenal pasti tindakan susulan yang perlu digerakkan.

Title: Worldview of Islam for Living and Leading: Praiseworthy Leadership

This research aims to tap into the wisdom and rich repository of “leadership” from the knowledge tradition of Islam with the purpose of crafting accessible materials to the public in order to address today’s emerging challenges. The research shall consist of five parts:

1. The Mind of a Praiseworthy Leader
2. The Elements and Traits of a Good Leader
3. Self-Mastery as the Soul of Leadership
4. Integrity in Leadership
5. Strategic Leadership

The outcome of this research project is a two-day intensive introductory course “Worldview of Islam for Living and Leading (WILL): Praiseworthy Leadership”. The course modules shall consist of lectures and interactive sessions, each of which is led by IKIM’s resident scholars. Each session shall deal with a perennial and pertinent question on various aspects of leadership centred on either a great idea or an authoritative text in the civilisation of Islam which can be deployed in the present-day context.

PUSAT KAJIAN SAINS DAN ALAM SEKITAR

Tajuk: Kajian Kefahaman dan Penerimaan Mahasiswa Muslim Terhadap Sains dan Teknologi

Islam dan sains saling berkait antara satu sama lain. Penerokaan ilmu sains sangat digalakkan dalam Islam kerana usaha ini membantu membongkar rahsia alam dan merupakan satu saluran untuk mencari kebenaran, memahami kedudukan manusia di dunia dan seterusnya untuk mendekatkan diri kepada Maha Pencipta. Walaupun sains penting, tidak ramai ahli masyarakat yang memahami dan menerima keserasian antara sains dengan Islam. Kedua-duanya dianggap terpisah dan sains dianggap sebagai ilmu yang membicarakan hal-hal keduniaan semata-mata. Anggapan seperti ini telah lama berakar umbi dalam pemikiran setiap peringkat masyarakat. Bagi tujuan mengubah corak pemikiran ini, perlu difahami dahulu tahap pemikiran masyarakat terhadap hubungan sains dan Islam.

Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengkaji tahap kefahtaman dan penerimaan mahasiswa Muslim terhadap sains dan teknologi dengan menggunakan gabungan pendekatan kualitatif dan kuantitatif. Pendekatan kuantitatif digunakan untuk mengumpul data daripada responden yang dibahagikan kepada tiga kohort dengan latar belakang pengajian yang berbeza. Tiga kohort mahasiswa tersebut ialah mahasiswa yang mengikuti program Pengajian Islam, mahasiswa



yang mengikuti program Sains dan mahasiswa yang mengikuti gabungan kedua-dua Pengajian Islam dan Sains. Satu perbincangan kumpulan bersasar juga akan dilaksanakan bagi memperkemas dapatan data kuantitatif. Data kuantitatif kajian ini akan dianalisis menggunakan kaedah analisis deskriptif dan inferens, manakala data kualitatif akan menggunakan kaedah analisis tematik.

Title: Shariah-Compliant Islamic Medical Service Standard Framework For Health Providers In Malaysia

Despite the growing trend in the halal industry and increasing demand for Islamic-friendly hospital services, little is known about the existence of formal, regulated standards by regulating bodies. With varying educational, religious, and cultural backgrounds, the perceptions underpinning the hospital service standards may differ. Therefore, the need to develop standard and regulated Islamic medical ethics and shariah-compliant medical services has become essential. This standard is crucial to ensure proper adherence to Islamic tenets, especially in addressing the Muslim public's and religious scholars' concerns on justified Islamic practices, specifically in delivering and receiving medical treatment. Motivated by this gap, this study aimed to analyse the current services in "Islamic" hospitals and clinics as a baseline to develop

an acceptable and regulated determinant for Shariah-compliant medical services.

This study adopts a mixed-method approach, where the initial phase involves interviews and a literature review to provide proposed determinants for Shariah-compliant medical service standards. In the following phase, the determinants and sub-determinants are finalised by a panel of selected experts through Fuzzy Delphi. The finalised determinants are then assigned to their relative weightage through Analytical Hierarchical Processing by the experts' input. These exercises are essential in the selection and prioritisation of important determinants. The expert panel will consist of 15 experts from various backgrounds of expertise but relevant to the study. The output of the study would be the Shariah-compliant medical service standard framework, which would consist of prioritised determinants of Shariah-compliant medical service practices that could be used as regulatory and assessment tools. The study's outcome not only could aid the regulatory bodies in managing Shariah-compliant medical services in this country, but it could also facilitate healthcare providers in catering Shariah-compliant health treatment to the Muslim community.

Tajuk: Kefahaman Tentang Kreativiti Dan Inovasi Dari Perspektif Islam Dalam Kalangan Pelajar Muslim

Penyelidikan yang dijalankan dengan kerjasama antara penyelidik Institut Kefahaman Islam Malaysia dengan Universiti Teknologi Malaysia dan Universiti Malaya merupakan sebuah kajian berbentuk deskriptif dengan menggunakan kaedah kuantitatif yang difokuskan ke atas mahasiswa muslim. Kajian ini dilaksanakan untuk melihat tahap kefahtaman tentang kreativiti dan inovasi yang menggabungkan elemen Islam dalam kalangan pelajar khususnya dalam aktiviti harian bagi meningkatkan daya kreativiti Islami. Hal yang demikian ini kerana aspek kreativiti dan inovasi seharusnya dikuasai oleh semua generasi muda Islam yang mampu menyumbang peranan berharga kepada negara kelak. Kajian ini menumpukan kepada beberapa objektif, iaitu (i) mengenal pasti tahap kefahtaman pelajar dalam kreativiti dan inovasi dari perspektif Islam; (ii) mengenal pasti amalan/budaya kreativiti dan inovasi dalam kalangan pelajar; (iii) mengenal pasti faktor-faktor yang mendorong kreativiti dan inovasi dalam kalangan pelajar/umat Islam; dan (iv) mengkaji hubungan antara keadaan persekitaran/aktiviti harian dengan kreativiti dan inovasi pelajar.



MEMORANDUM PERSEFAHAMAN IKIM DENGAN INSTITUSI LUAR

PUSAT SYARAK

MOU IKIM-UZBEKISTAN

IKIM telah menandatangani memorandum persefahaman bersama tiga institusi Uzbekistan pada 4 Jun 2020. Memorandum Persefahaman ini yang berkuat kuasa selama 5 tahun menyediakan ruang kolaborasi antara IKIM dengan Imam Bukhari International Scientific Research Centre, Uzbekistan, Center of Islamic Civilization Uzbekistan dan International Islamic Academy of Uzbekistan. Sepanjang tahun 2021, IKIM telah mengadakan beberapa aktiviti kerjasama bersama institusi-institusi yang berkenaan merangkumi pengisian program radio, webinar dan pembentangan kertas pembentangan. Antara aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan sepanjang tahun 2021 adalah seperti berikut:

Bil.	Perkara	Tarikh
1	Mesyuarat Penyelarasian Program Webinar "Islam Today" Siri 2 bersama pihak pengurusan daripada Imam Bukhari International Scientific Research Centre, Center of Islamic Civilization Uzbekistan dan International Islamic Academy of Uzbekistan.	29 September 2022
2	Webinar "Islam Today" Siri 2 kerjasama antara IKIM, Imam Bukhari International Scientific Research Centre, Center of Islamic Civilization Uzbekistan dan International Islamic Academy of Uzbekistan.	9 November 2022



MOU IKIM-UNIVERSITI MALAYA (UM)

Memorandum ini ditandatangani secara rasmi antara IKIM dengan Universiti Malaya pada 14 September 2022. Memorandum ini berkuat kuasa selama tempoh 5 tahun dan berakhir pada 13 September 2027. Sepanjang tahun 2022 ini, terdapat beberapa aktiviti yang telah dijalankan secara kerjasama antara kedua-dua institusi ini.

Bil.	Perkara	Tarikh
1	Majlis Menandatangani MOU IKIM dan UM di Bilik Mesyuarat 3, Aras 4, Canselori, Universiti Malaya.	14 September 2022
2	Penglibatan Penyelidik dari Pusat Dialog Peradaban dan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya dalam kajian Piagam Harmoni Malaysia yang diselaraskan oleh IKIM.	6 Februari 2022 sehingga 5 Februari 2024
3	Temubual bersama Pengarah Pusat Dialog Peradaban, Prof. Datuk Dr. Azizan binti Baharuddin dalam slot Open Forum berkenaan topik "Social Cohesion: Whither Malaysia?"	18 & 25 September 2022

MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU) ANTARA INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA (IKIM) DAN UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN (UTHM)

Memorandum ini secara rasmi ditandatangani pada 18 Julai 2022 di Dewan Banquet, Dewan Sultan Ibrahim, UTHM. Memorandum ini berkuat kuasa selama dua tahun dan akan berakhir pada 17 Julai 2024.

Program pertama yang dilaksanakan secara kerjasama antara dua institusi ini ialah Forum Bicara Ad-Din bertajuk, "Media Sosial, Generasi Muda dan Kerangka Tauhid Ahli Sunah wal Jama'ah: Isu dan Cabaran Abad ke-21." Ahli panel bagi forum berkenaan ialah Sahibus Samahah YB Dato' Ahmad Faisal bin Mohamed (Timbalan Mufti Negeri Johor), YBrs. Dr. Aspalaila binti Abdullah (Timbalan Ketua Pegawai Psikologi, UTHM), YBrs. dan Dr. Muhammad Husni bin Mohd Amin (Pegawai Penyelidik Kanan, Pusat KIAS IKIM). Sementara moderator bagi forum tersebut ialah Tuan Haji Faiz bin Othman (Radio IKIM).

Terdapat program-program lain yang telah dirancang secara bersama dan akan hanya dilaksanakan pada tahun hadapan (2023).

PUSAT EMAS

MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU) ANTARA INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA (IKIM) DENGAN UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (UKM)

Pada Ogos 2018, penyelidik dari Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah datang ke IKIM untuk meneroka kerjasama dalam satu projek penyelidikan untuk membangunkan satu indeks bagi mengukur tahap literasi kewangan Islam dalam kalangan orang Islam di Malaysia. Bagi mengukuhkan kerjasama ini, kedua-dua agensi bersetuju untuk membentuk satu Memorandum Persefahaman (MoU). MoU ini berkuat kuasa mulai 9 Februari 2021 untuk tempoh 5 tahun, meliputi kerjasama dalam pelbagai bidang keilmuan dan ini termasuklah aktiviti penyelidikan, seminar, bengkel, perundingan, latihan serta penerbitan.

Berikut adalah aktiviti / program / projek yang terhasil menerusi MoU ini.

Bil	Aktiviti / Program / Projek	Status
1.	Muzakarah Pakar Indeks Literasi Kewangan Islam Masyarakat Muslim di Malaysia.	Dianjurkan pada 21 Mac 2019 di Dewan Besar, IKIM.
2.	Penerbitan buku "Literasi Kewangan Islam di Malaysia" (kerjasama dengan Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, UKM).	Telah diterbitkan dan dilancar oleh Menteri di JPM pada 18 November 2021 oleh Menteri di JPM (HEA).
3.	Penyelidikan Indeks Literasi Kewangan Islam Masyarakat Muslim di Malaysia." (Kerjasama antara IKIM, UKM dan AKPK). Untuk projek ini satu Memorandum Perjanjian Penyelidikan (MoA) antara pihak UKM, IKIM dan AKPK telah dilaksanakan bagi tempoh 2 Januari 2019 hingga 31 Disember 2021. Walaupun MoA telah tamat, pihak-pihak yang terlibat telah bersetuju untuk menyelesaikan projek penyelidikan ini.	Sedang dilaksanakan. Tarikh dijangka siap adalah pada 31 Disember 2023. Sekarang dalam proses menyediakan laporan dapatan kajian.

PUSAT KIAS

MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU) ANTARA INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA (IKIM) DENGAN UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (UKM)

Memorandum antara IKIM dengan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah berkuat kuasa mulai 9 Februari 2021 hingga 8 Mac 2026, iaitu selama 5 tahun.

Antara aktiviti di bawah Memorandum Persefahaman ini ialah pihak IKIM dan Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI), UKM bersetuju untuk:

- a. Menerbitkan Prosiding Muzakarah Pakar “Wakaf Tenaga Diperbaharui: Ke Arah Kelestarian Alam Sekitar”, dan
- b. Pengajuran Kem Ekologi pada tahun 2023 dengan pihak LESTARI (UKM).

MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU) ANTARA INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA (IKIM) DENGAN UNIVERSITI SAINS MALAYSIA (USM)

Memorandum antara IKIM dengan Universiti Sains Malaysia (USM) telah berkuatkuasa mulai 1 Mei 2022 sehingga 30 April 2024, iaitu selama 2 tahun.

IKIM dan USM telah bersetuju untuk menjalankan projek penyelidikan bersama yang kini masih dalam fasa perbincangan.

- Cadangan untuk melaksanakan projek penyelidikan berkaitan kleptokrasi dengan menggunakan eye-tracking

MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU) ANTARA INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA (IKIM) DENGAN UNIVERSITI TEKNOLOGI PETRONAS (UTP)

Memorandum antara IKIM dengan Universiti Teknologi Petronas (UTP) dan telah berkuatkuasa mulai 25 Mei 2022 hingga 24 Mei 2027 iaitu selama 5 tahun.

IKIM dan UTP telah bersetuju untuk menjalankan projek penyelidikan *“Shariah-Compliant Islamic Medical Service Standard Framework for Health Providers in Malaysia”* dan masih berjalan sehingga kini.





B A B 2

PROGRAM AKADEMIK DAN LATIHAN



Institut Kefahaman Islam Malaysia

BAB 2

PROGRAM AKADEMIK DAN LATIHAN

PROGRAM DAN LATIHAN IKIM

Unit Program dan Latihan IKIM menganjurkan program akademik dan latihan untuk masyarakat umum, kerajaan dan pihak swasta. Objektif penganjuran program IKIM adalah untuk berusaha ke arah pengendalian program secara berkualiti melalui pengurusan sumber yang cekap dan memberikan perkhidmatan sokongan dalam menguruskan program-program akademik dan latihan IKIM. Mulai tahun 2020 hingga 2021 pelaksanaan program IKIM banyak menggunakan platform secara dalam talian. Pada tahun 2022, setelah kerajaan mengumumkan bahawa program boleh dilaksanakan secara bersemuka, IKIM terus aktif dalam mengatur pelbagai program sama ada anjuran IKIM atau secara kerjasama dengan pihak lain. IKIM juga turut mengubah cara pelaksanaan program dengan membanyakkan lagi program secara bersemuka seperti sebelum wabak COVID-19 melanda.

Pada tahun 2022, IKIM telah berjaya menganjurkan 28 program akademik yang terdiri daripada sembilan (9) seminar atau webinar, lima (5) Muzakarah Pakar), lima (5) program Wacana atau Syaran, empat (4) Kursus, tiga (3) Bengkel, satu (1) Forum dan satu (1) Kongres. Sementara itu, program bukan berbentuk akademik telah dilaksanakan sebanyak lima (5) program. Program-program yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2022 kebanyakannya bersempena dengan sambutan Ulang Tahun IKIM Ke-30.

Antara rakan kerjasama dalam negara yang turut menjayakan program IKIM termasuklah Hospital Al-Islam, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Jabatan Kehakiman Shariah Malaysia, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Menara Kuala Lumpur, PERKIM, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan, Yayasan Dakwah Islamiah dan beberapa lagi organisasi lain. Sementara itu, rakan kerjasama dari luar negara seperti Georgetown University's School of Foreign Studies in Qatar, Ethox Centre, University of Oxford, Research Centre for Islamic Legislation and Ethics (Cile), Hamad Bin Khalifa University, Qatar dan

Initiative on Islam and Medicine, United States of America, International Islamic Academy Uzbekistan, Imam Bukhari International Scientific Research Centre (IBISRC), Uzbekistan dan Centre for Islamic Civilization, Uzbekistan.

Unit Program dan Latihan (UPL), IKIM menganjurkan program akademik dan latihan untuk masyarakat umum, kerajaan dan pihak swasta. Objektif penganjuran program IKIM adalah untuk berusaha ke arah pengendalian program secara berkualiti melalui pengurusan sumber yang cekap dan memberi perkhidmatan sokongan menguruskan program-program akademik dan latihan IKIM.

SEMINAR/WEB

1. WEBINAR “MENANGANI ISU EKONOMI GELAP & KARTEL”

Webinar ini telah diadakan pada 11 Januari 2022 secara dalam talian. Webinar tersebut diadakan bagi mencapai matlamat seperti yang berikut:

1. Memahami isu dan faktor yang menyumbang kepada masalah ekonomi gelap, amalan kartel dan aktiviti haram terancang dalam masyarakat.
2. Menganalisis keberkesanan langkah-langkah pencegahan dan korektif semasa ke atas kes-kes kepincangan dalam tadbir urus.
3. Membincangkan pendekatan bagi menangani masalah ekonomi gelap, amalan kartel dan aktiviti haram terancang.

Webinar ini telah dirasmikan oleh YBhg. Dr. Mohd Zaidi bin Ismail, Timbalan Ketua Pengarah IKIM, yang antara lain dalam ucapan alu-aluan beliau telah menyentuh bahawa saiz ekonomi gelap di Malaysia dianggarkan sekitar 21 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada 2019. Beliau berpandangan kegagalan untuk mengatasi ekonomi gelap menjadi petanda bahawa masalah rasuah terus menular dalam masyarakat kerana ada pihak yang tidak mengambil tindakan ke atas ketidakpatuhan undang-undang oleh golongan yang terlibat dalam ekonomi gelap.

Seramai tiga orang panel telah dijemput untuk membentang kertas kerja ini, iaitu (1) YBhg. Prof. Emeritus Dr. Barjoyai bin Bardai; daripada Universiti Tun Abdul Razak (UNIRAZAK) Kuala Lumpur; (2) YBrs. Tn. Hj. Hamiye Sham bin Harun, Pengurus Besar Kanan, Bahagian Operasi, Institut Integriti Malaysia (IIM); dan (3) YBrs. Tn. Hj. Md Alimuddin bin Rahim, Setiausaha Agung/Pengarah Eksekutif, Yayasan Anti Rasuah Malaysia,



YBhg. Dr. Mohd. Zaidi bin Ismail, Timbalan Ketua Pengarah IKIM ketika merasmikan webinar “Menangkan Isu Ekonomi Gelap & Kartel” pada 11 Januari 2022 secara dalam talian.



YBrs. Tuan Haji Hamiye Sham bin Harun, Pengurus Besar Kanan, Bahagian Operasi, Institut Integriti Malaysia (IIM) membentangkan kertas kerja bertajuk “Rasuah dan Ekonomi Gelap : Sisi Gelap Sektor Awam dan Swasta di Malaysia.”



YBrs. Dr. Mohd Sani bin Badron, Fellow Utama/Pengarah Pusat Kajian Ekonomi dan Kemasyarakatan (EMAS), IKIM sebagai moderator semasa webinar dijalankan.



YBhg. Prof. Emeritus Dr. Barjoyai bin Bardai, Universiti Tun Abdul Razak (UNIRAZAK), Kuala Lumpur sedang menyampaikan kertas kerja bertajuk “Ekonomi Gelap: Impak Kepada Negara.”

2. WEBINAR PEMBANGUNAN KANDUNGAN DIGITAL KE ARAH MELAHIRKAN GENERASI BERMINDA ISLAMI

Webinar yang dilaksanakan secara dalam talian dan disiarkan secara langsung menerusi laman sesawang IKIM dan juga laman sesawang tvIKIM ini telah diadakan pada 8 Mac 2022.

Objektif webinar ini adalah seperti yang berikut:

1. Mengenal pasti pengaruh kandungan digital kepada minda kanak-kanak.
2. Mengenal pasti nilai-nilai Islam yang diperlukan oleh kanak-kanak selaras dengan keupayaan mentalnya.
3. Berkongsi pengalaman pemain industri animasi dalam membina kandungan digital Islami untuk kanak-kanak.
4. Mencadangkan ciri-ciri kandungan digital Islami dalam membina minda Islami kanak-kanak.

Webinar yang dirasmikan oleh YBhg. Prof. Madya Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil Ketua Pengarah IKIM, bertujuan meningkatkan kesedaran dan kefahaman masyarakat berkaitan keperluan mewujudkan kandungan digital untuk membangunkan minda Islami dalam kalangan kanak-kanak. Semua pihak khususnya ibu bapa dan pendidik serta pencipta kandungan digital turut memainkan peranan penting dalam hal ini memandangkan perkara ini mempunyai kesan yang amat besar kepada perkembangan diri dan kehidupan kanak-kanak.

Webinar ini menampilkan pakar-pakar berwibawa dalam bidang-bidang seperti pendidikan dan pembelajaran, pendidikan awal kanak-kanak, kemasyarakatan, penulisan kreatif dan industri teknologi animasi. Para pembentang terdiri daripada (1) Pensyarah Kanan Fakulti Pembangunan Manusia, UPSI, YBrs. Prof. Madya Dr. Abdul Halim bin Masnan; (2) Pensyarah Kanan Kuliyyah Pendidikan UIAM, Prof. Madya Dr. Mastura binti Badzis; (3) Fellow Kanan Pusat Kajian Ekonomi dan Kemasyarakatan IKIM, YBrs. Pn. Hajah Siti Fatimah binti Abdul Rahman; (4) Syarikat Les Copaque Production Sdn. Bhd., YBrs. En Karyabudi bin Mohamed Aris; dan (5) Pengarah Mina Mila, Durioo Sdn. Bhd., YBrs. En. Nabil bin Baharom.

Semasa ucapan penutup webinar ini, Ketua Pengarah IKIM telah turut melancarkan “Pertandingan Mereka Cipta Video Animasi Kefahaman Islam Untuk Penuntut Institut Pengajian Tinggi (IPT)”. Pertandingan ini bertujuan mencungkil bakat dan mengiktiraf kebolehan generasi muda kita untuk menjadi dai digital selain menghasilkan video animasi yang dapat memberi kefahaman Islam serta mananamkan nilai-nilai sejagat kepada khalayak.



YBhg. Prof. Madya Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM ketika menyampaikan ucapan alu-aluan semasa Webinar “Pembangunan Kandungan Digital Ke Arah Melahirkan Generasi Berminda Islami” secara dalam talian.



YBhg. Prof. Madya Dr. Abdul Halim bin Masnan dari Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) membentangkan kertas kerja yang bertajuk “Pengaruh Kandungan Digital Kepada Minda Kanak-kanak”.



YBhg. Prof. Madya Dr. Mastura binti Badzis dari Kuliyyah Pendidikan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) membentangkan kertas kerja bertajuk “Kandungan Digital Islami yang Sesuai dengan Kanak-Kanak”.



YBrs. En. Nabil bin Baharom (kanan), Pengarah (Mina Mila) Durioo Sdn Bhd menyampaikan kertas kerja bertajuk "Pengalaman Membina Kandungan Digital Islami untuk Kanak-Kanak", manakala YBrs. En. Khairul Azhar bin Idris (kiri), Fellow Kanan, Pusat Kajian Ekonomi dan Kemasyarakatan, IKIM bertindak selaku moderator semasa webinar berlangsung.



YBrs. En. Karyabudi bin Mohamed Aris, Les Copaque Production Sdn Bhd (Upin & Ipin) menyampaikan kertas kerja bertajuk "Pengalaman Mebina Kandungan Digital Islami untuk Kanak-Kanak".

3. SEMINAR PUASA DAN KESIHATAN

Seminar yang berlangsung pada 16 Mac 2022 bertemakan "Maqasid Puasa dan Tahap Kesihatan Yang Baik Dalam Mencari Ketakwaan" telah diadakan secara hibrid, iaitu secara fizikal di IKIM dan disiarkan secara langsung menerusi laman sesawang IKIM, tvIKIM serta melalui pautan Zoom.

Objektif seminar ini adalah seperti yang berikut:

1. Memberi penerangan berkaitan Maqasid Puasa dan Madrasah Ramadan.
2. Menyemarakkan sambutan Ramadan dalam kalangan masyarakat.
3. Memberi garis panduan bagi pesakit dan persediaan untuk berpuasa dalam usaha mencapai kecemerlangan beribadah.
4. Merealisasikan Islam sebagai *Rahmatan Lil 'Alamin* kepada seluruh masyarakat.

Seminar kerjasama antara IKIM dengan Hospital Al-Islam ini diharap dapat memberi kesan yang bermakna kepada masyarakat dalam usaha memberi penerangan dan ilmu asas berkaitan dengan tips

serta penjagaan kesihatan untuk membolehkan mereka yang memerlukan garis panduan penting ini menjalankan ibadah secara optimum. Pengarah Hospital Pakar Al-Islam, YBhg. Dr. Ishak bin Mas'ud menyampaikan ucapan alu-aluan, manakala Ketua Pengarah IKIM, YBhg. Prof. Madya Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil, menyampaikan ucaptama sekaligus merasmikan seminar ini.

Sebanyak sembilan (9) kertas kerja telah dibentangkan sepanjang seminar berlangsung dan disampaikan oleh para pakar bidang. Ahli panel terdiri daripada (1) Pengarah Hospital Pakar Al-Islam yang juga merupakan Pakar Gastroenterologi, YBhg. Dr. Ishak bin Mas'ud; (2) Pakar Endokrinologi (Ketua Jabatan Perubatan) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM); YBrs. Dr. Norlaila binti Mustafa; (3) Pakar Perunding Kardiologi, Hospital Pakar KPJ Damansara; YBrs. Dr. Mohd. Daud bin Sulaiman; (4) Pakar Perbidanan dan Sakit Puan, Hospital Pakar Al-Islam, YBrs. Dr. Norlida binti Hj. Kairon; (5) Pakar Neurologi, Hospital Canselor Tuanku Muhriz, UKM, YBrs. Dr. Wan Asyraf bin Wan Zaidi; (6) Pakar Respiratori, KPJ Damansara, YBhg. Dato' Dr. Zainuddin bin Md. Zain; (7) Pakar Bedah Hepatobilari (Pengarah Hospital Canselor Tuanku Muhriz) UKM, YBhg. Prof. Dato' Dr. Razman Jarmin; (8) Pakar Perunding Nefrologi Hospital Pakar Al-Islam, YBhg. Datuk Dr. Ghazali bin Ahmad; dan (9) Pakar Onkologi dan Radioterapi, HCTM, UKM, YBhg. Prof. Dato' Dr. Fuad bin Ismail. Ucapan penutup telah disempurnakan oleh Pengarah Pusat Kajian Syariah, Undang-undang dan Politik (SYARAK) IKIM, YBhg. Dr. Mohd Farid bin Mohd Shahran.



YBhg. Prof. Madya Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM semasa menyampaikan ucaptama bertajuk "Maqasid Puasa dan Tahap Kesihatan yang Baik Dalam Mencari Ketakwaan" dan merasmikan seminar anjuran bersama IKIM dengan Hospital Pakar Al-Islam.



YBhg. Dr. Ishak bin Mas'ud, Pengarah Hospital Pakar Al-Islam menyampaikan kertas kerja bertajuk "Puasa & Pandemik Covid".



YBhg. Dato' Dr. Zainuddin Md Zain, Pakar Respiratori, KPJ Damansara menyampaikan kertas kerja bertajuk "Panduan Untuk Pesakit Asma & Masalah Paru-Paru".



YBhg. Prof. Dr. Norlaila bin Mustafa (kiri), Pakar Endokrinologi (Ketua Jabatan Perubatan), UKM menyampaikan kertas kerja bertajuk "Tips Untuk Pesakit Diabetes Dalam Bulan Ramadhan" manakala YBrs. Pn. Norkumala binti Awang (kanan), Fellow Pusat Kajian Sains dan Alam Sekitar (KIAS) IKIM sebagai moderator.



Sebahagian daripada para peserta yang hadir di Dewan Besar IKIM dengan mematuhi penjarakan dan juga mengamalkan peraturan yang telah ditetapkan.



YBhg. Dr. Wan Asyraf b.Wan Zaidi, Pakar Neurologi, Hospital Canselor Tuanku Muhriz, UKM dengan kertas kerja bertajuk "Tekanan Darah Tinggi & Strok - Bolehkah Berpuasa?".

4. WEBINAR PEMBEBASAN PALESTIN: DI MANA SUARA NEGARA-NEGARA ISLAM?

Webinar ini telah dilaksanakan pada 12 April 2022 secara hibrid dan juga dalam talian dan disiarkan secara langsung menerusi laman sesawang IKIM dan tvIKIM serta melalui pautan Zoom.

Objektif webinar ini adalah seperti yang berikut:

1. Menjelaskan kedudukan bumi Palestin dari perspektif sejarah.
2. Membincangkan peranan OIC dan kesatuan di antara negara-negara Islam dalam mencari penyelesaian mengenai kezaliman terhadap rakyat dan negara Palestin.
3. Memberi kefahaman mengenai dasar Malaysia ke arah penyelesaian konflik Palestin-Israel.

Penjajahan bumi Palestin oleh rejim Zionis Israel merupakan satu bentuk kezaliman zaman moden yang perlu dikaji dari perspektif sejarah, ketamadunan dan juga kepentingan geopolitik di rantau tersebut. Namun, usaha membebaskan bumi Palestin daripada penindasan rejim Zionis-Israel memerlukan kesepakatan dalam kalangan negara-negara Islam.

Ketua Pengarah IKIM, YBhg. Prof. Madya Dr. Mohamamed Azam bin Mohamed Adil telah menyampaikan ucapan alu-aluan sementara Duta Khas YAB Perdana Menteri ke Timur Tengah Bertaraf Menteri, YB Tuan Guru Tan Sri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang telah menyampaikan ucaptama dalam webinar tersebut. Duta Besar Palestin ke Malaysia, Tuan Yang Terutama Mr. Walid Abu Ali telah menyampaikan ucapan penutup dalam webinar ini. Beberapa pakar telah diundang untuk membentangkan kertas kerja, iaitu daripada (1) Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Universiti Malaysia (UM), YBhg. Prof. Dr. Mohd. Roslan bin Md. Noor; (2) Pengarah Pusat Kecemerlangan Islamic Jerusalem, Universiti Utara Malaysia (UUM), YBhg. Prof. Dr. Aminur rashid bin Yatiban; (3) Penggerusi BDS Malaysia, YBhg. Prof. Dr. Mohd. Nazari bin Ismail; dan (4) Ketua Unit Penyelidikan dan Pendidikan, Yayasan Isra' Malaysia, YBhg. Prof. Dr. Kamaruzzaman Yusof.



Yang Berhormat Tuan Guru Tan Sri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang, Duta Khas YAB Perdana Menteri ke Timur Tengah Bertaraf Menteri menyampaikan ucaptama webinar bertajuk "Palestin: Apa yang Umat Islam Perlu Tahu?"



YBhg. Prof Dr. Mohd Roslan bin Md Noor, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (UM) menyampaikan kertas kerja bertajuk "Palestin dan Al-Aqsa: Apakah Nilainya bagi Ummah?"



TYT Mr. Walid Abu Ali, Duta Besar Palestin ke Malaysia menyampaikan ucapan penutup semasa webinar tersebut.

5. SEMINAR "ISU DAN CABARAN MENGEKALKAN KEDAULATAN MAKANAN NEGARA DALAM KONTEKS PERUBAHAN IKLIM DAN SEKURITI MAKANAN"

Seminar ini telah diadakan dengan kerjasama Institut Perubahan Iklim, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada 21 Jun 2022 di Dewan Besar, IKIM.

Objektif seminar ini adalah seperti yang berikut:

1. Meninjau isu dan cabaran yang berkaitan dengan perubahan iklim, sekuriti makanan dan kedaulatan makanan dalam konteks pembangunan semasa negara dengan melihat pendekatan Islam dalam mengurus sekuriti makanan dan gangguan bekalan makanan.
2. Meneroka sejauh mana kedaulatan makanan menyumbang kepada menangani kesan perubahan iklim dan ke atas keseluruhan sistem makanan.
3. Meninjau langkah-langkah dan pilihan dasar yang sesuai bagi pihak berkuasa dan masyarakat untuk menjaga kedaulatan makanan dan menjamin bekalan makanan negara dalam mendepani sebarang krisis perubahan iklim.

Penekanan terhadap sektor pertanian dapat mengurangkan kebergantungan terhadap makanan import serta memperkuatkan kedaulatan makanan negara. Kedaulatan makanan bertujuan menjamin hak rakyat dan negara untuk membuat keputusan bebas mengenai sistem makanan tanpa sebarang pengaruh atau penghalang luar. Pada peringkat global, kedaulatan makanan berkembang sebagai penyelesaian kepada kesan perubahan iklim terhadap sekuriti makanan, pengurangan hak pengeluar dan pengguna makanan tempatan dan peningkatan kemiskinan, kelaparan dan kepincangan sistem makanan. Saling kebergantungan yang jelas antara iklim dan pertanian akan mewujudkan status sekuriti makanan dengan baik.

Ketua Pengarah IKIM, YBhg. Prof. Madya Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil telah menyampaikan ucapan alu-aluan. Seminar selama sehari ini telah mengetengahkan lapan (8) orang pembentang kertas kerja, iaitu (1) Pensyarah, Jabatan Pengajian al-Quran dan as-Sunnah, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), YBhg. Dr. Mohd Farhan bin Md. Arifin; (2) Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, Yayasan Waqaf Malaysia, YBrs. En. Abdul Halim bin Mat Yusop; (3) Jabatan Perniagaantani dan Ekonomi Biosumber, Fakulti Pertanian, UPM, YBhg. Prof. Datuk Dr. Mad Nasir bin Shamsudin; (4) Penyelidik dan Koordinator, Forum Kedaulatan Makanan Malaysia, YBrs. En. Nurfitri Amir bin Muhamad; (5) Fellow, Pusat Kajian Sains dan Alam Sekitar IKIM, YBrs. Puan Norkumala binti Awang; (6) Ketua Pusat Insitut Perubahan Iklim, UKM, YBrs. Prof. Madya Dr. Marlia binti Mohd Hanafiah; (7) Institut Perubahan Iklim, UKM, YBrs. Dr. Siti Norliyana binti Harun; dan (8) Pengarah Kebun Kota, YBhg. AR. Datin Hjh. Kaniza binti Datuk Hj. Shafie.



Moderator dan para pembentang kertas kerja, (duduk dari kiri) YBhg. Prof. Madya Dr. Zaini bin Sakawi selaku moderator sesi 1, Pengarah, Institut Perubahan Iklim, UKM; YBrs. Dr. Mohd Farhan bin Md. Arifin, Jabatan Pengajian al-Quran dan as-Sunnah, UKM; YBhg. Prof. Dr. Amir bin Shaharuddin, Ketua Pegawai Eksekutif, Yayasan Waqaf Malaysia; YBhg. Prof. Datuk Dr. Mad Nasir bin Shamsudin, Jabatan Perniagaantani dan Ekonomi Biosumber, Fakulti Pertanian, UPM; dan YBrs. En. Nurfitri Amir bin Muhamad, Penyelidik dan Koordinator, Forum Kedaulatan Makanan Malaysia.



Sebahagian daripada para peserta yang hadir dalam seminar ini.



YBhg. Prof. Madya Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM, menyampaikan ucapan alu-aluan.



Moderator dan para pembentang kertas kerja, (duduk dari kiri) YBrs. Pn. Azrina binti Sobian, Fellow Pusat Kajian Sains dan Alam Sekitar, IKIM selaku moderator; YBrs. Pn. Norkumala binti Awang, Fellow Pusat Kajian Sains dan Alam Sekitar, IKIM; YBhg. Prof. Madya Dr. Marlia binti Mohd Hanafiah, Ketua Pusat Institut Perubahan Iklim, UKM; YBrs. Dr. Siti Norliyana Harun, Institut Perubahan Iklim, UKM; dan YBhg. Ar. Datin Hajah Kaniza binti Datuk Haji Shafie, Pengarah Kebun Kota.

6. WEBINAR ANTARABANGSA “DISCOURSE ON ISLAM AND BIOMEDICAL ETHICS: THE WAY FORWARD”

Webinar ini telah diadakan dengan kerjasama pintar bersama Georgetown University's School of Foreign Studies in Qatar; Ethox Centre, University of Oxford; Research Centre For Islamic Legislation And Ethics (Cile), Hamad Bin Khalifa University, Qatar; dan Initiative on Islam and Medicine, United States of America. Program ini berlangsung pada 5 Julai 2022 secara dalam talian dan disiarkan secara langsung menerusi laman sesawang IKIM dan tvIKIM.

Objektif webinar ini adalah seperti yang berikut:

1. Mengenal pasti isu-isu baharu berkaitan etika bioperubatan yang memerlukan input Islam.
2. Menilai langkah-langkah yang diambil oleh umat Islam, khususnya ulama dan golongan profesional, dalam menangani isu-isu bioperubatan.
3. Memberi cadangan bagi mewujudkan sinergi pengetahuan dan kepakaran dalam kalangan ulama dan profesional Muslim pada peringkat antarabangsa sebagai persiapan menghadapi cabaran mendatang bidang bioperubatan.

Ucapan alu-aluan telah disampaikan oleh Ketua Pengarah, YBhg. Prof. Madya Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil manakala ucaptama dan perasmian telah disampaikan oleh Timbalan Menteri Kesihatan 1, YB Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali. Para pakar yang telah membentangkan kertas kerja dalam webinar tersebut ialah (1) Jabatan Neurosains, Pusat Pengajian Sains Perubatan, Universiti Sains Malaysia, YBrs. Dr. Muhammad Ihfaz bin Ismail; (2) Initiative on Islam and Medicine, United States of America, Professor Dr. Aasim I. Padela; (3) Pengarah Pusat Kajian Sains dan Alam Sekitar, IKIM, YBhg. Dr. Shaikh Mohd Saifuddeen bin Shaikh Mohd Salleh; (4) Islamic Bioethics Project, Georgetown University's School of Foreign Studies in Qatar, Associate Professor Dr. Ayman Shabana; (5) Ethox Centre, University of Oxford, United Kingdom, Dr. Mehrunisha Suleman; dan (6) Research Centre for Islamic Legislation and Ethics (CILE), Hamad bin Khalifa University, Qatar Professor Dr. Mohammed Ghaly.



YBhg. Prof. Madya Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM menyampaikan ucapan alu-aluan.



YB Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali, Timbalan Menteri Kesihatan 1 ketika menyampaikan ucaptama dan perasmian webinar.



Prof. Dr. Aasim I. Padela, Initiative on Islam and Medicine, United States of America menyampaikan kertas kerja bertajuk “Engaging the Field of Academic Bioethics: Contentions around ‘Islamic’ Bioethics and Future Directions”.



YBhg. Dr. Muhammad Syafiq bin Borhanuddin (kiri atas) Pegawai Penyelidik Kanan, Pusat Kajian Ekonomi dan Kemasyarakatan, IKIM sebagai moderator pada sesi 2 yang bertemakan "Islam and Biomedical Ethics : Issues and Challenges". Para pembentang terdiri daripada Prof. Dr. Mohammed Ghaly (kanan atas), Research Centre for Islamic Legislation and Ethics (CILE), Hamad bin Khalifa University, Qatar; Dr. Mehrunisha Suleman (kiri bawah), Ethox Centre, University of Oxford United Kingdom; dan Assoc. Prof. Dr. Ayman Shabana (kanan bawah), Islamic Bioethics Project, George University in Qatar.



YBrs. Dr. Muhammad Ihfaz bin Ismail, Jabatan Neurosains, Pusat Pengajaran Sains Perubatan, Universiti Sains Malaysia membentangkan kertas kerja bertajuk "Outlook for Biomedical Sciences in the Muslim World".



YBhg. Dr. Shaikh Mohd Saifuddeen bin Shaikh Mohd Salleh, Pengarah Pusat Kajian Sains dan Alam Sekitar, IKIM membentangkan kertas kerja bertajuk "Role of "Bridge Scholars" in Islamic Biomedical Discourse".

7. SEMINAR ANTARABANGSA “UNLOCKING WISDOM OF ISLAM FOR COMPREHENSIVE DEVELOPMENT”

Seminar antarabangsa ini telah diadakan pada 23 Ogos 2022 di IKIM dengan mendapat sokongan penajaan daripada Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) dan UEM Berhad. Adalah diharapkan seminar ini akan terus menghidupkan peranan IKIM sebagai rakan strategik dalam usaha untuk memandu hala tuju pembangunan yang lebih menyeluruh untuk umat Islam di Malaysia dan dunia amnya.

Objektif seminar ini adalah seperti yang berikut:

1. Menerangkan kerelevan ajaran Islam dalam konteks wacana pembangunan semasa.
2. Mendedahkan para peserta kepada gagasan-gagasan dari warisan keilmuan Islam yang penting dalam konteks mentakrifkan semula faham pembangunan dan dalam konteks cabaran-cabarannya.
3. Menyediakan ruang perbincangan untuk meneroka pendekatan baru untuk meluaskan wacana dan bidang pembangunan di masakini.

Ketua Pengarah IKIM, YBhg. Prof. Madya Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil telah menyampaikan ucapan perasmian dan telah turut melancarkan penerbitan baharu berupa siri *Khayra Ummah* terbitan IKIM. Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Bank Islam Malaysia Berhad, YBhg. En. Mohd. Muazzam bin Mohamed telah menyampaikan ucapan alu-aluan.

Seramai (4) empat orang pakar dari dalam dan luar negara telah diundang untuk memberikan pandangan masing-masing dalam seminar ini. Ahli panel berkenaan terdiri daripada: (1) Mantan Pengasas-Presiden Universiti Ibn Khaldun, Turki, Prof. Dr. Recep Senturk; (2) Pengarah Sunway Centre for Plattenary Health, YBhg. Tan Sri Jemilah binti Mahmood; (3) Profesor, Raja Zarith Sofiah Centre for Advanced Studies on Islam, Science and Civilisation (RZS-CASIS), Universiti Teknologi Malaysia, YBhg. Prof. Dr. Muhammad Zainiy bin Uthman; dan (4) Pengerusi Tabung Haji, YBhg. Tan Sri Azman bin Mokhtar.



1. Dua (2) buah buku dalam Siri *Khayra Ummah* telah dilancarkan semasa program “Unlocking The Wisdom of Islam for a Balanced Development” pada 23 Ogos 2022. YBrs. Pn. Hjh. Siti Fatimah binti Abdul Rahman (kanan sekali) penulis buku bertajuk “Islam and Moral Freedom: Issues and Challenges” dan YBrs. Dr. Muhammad Hisyam bin Mohamad (dua dari kiri) dan YBrs. Pn. Nur Syahidah binti Abdul Jalil (kiri sekali), penulis buku bertajuk “The Failure of Extreme Capitalism”.
2. YBhg. En. Mohd Muazzam bin Mohamed, Ketua Pegawai Eksekutif, Bank Islam Malaysia Berhad menyampaikan ucapan alu-aluan.
3. YBhg. Prof. Dr. Muhammad Zainiy b.Uthman, Professor, Raja Zarith Sofiah Centre for Advanced Studies on Islam, Science and Civilisation (RZS-CASIS) Universiti Teknologi Malaysia menyampaikan kertas kerja bertajuk “Inner Development of Thoughts and Civilisation”.
4. YBhg. Prof. Madya Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM menyampaikan ucapan perasmian dan majlis pelancaran buku baharu terbitan IKIM sempena Seminar Antarabangsa “Unlocking Wisdom of Islam for Comprehensive Development”.
5. YBhg. Tan Sri Azman bin Mokhtar, Pengerusi Tabung Haji menyampaikan kertas kerja bertajuk “Circle of Justice as a Model of Development”.

8. SEMINAR PENDIDIKAN DAN PERADABAN ISLAM: CABARAN MASA KINI

Seminar yang telah diadakan secara kerjasama dengan Jabatan Hal Ehwal Islam Negeri Sembilan (JHEAINS) telah berlangsung pada 26–27 Oktober 2022 bertempat di Dewan Besar Pusat Dakwah Islamiah Paroi, Negeri Sembilan.

Objektif seminar ini adalah seperti yang berikut:

1. Membangunkan budaya ilmu dalam kalangan pelajar dan pendidik dan masyarakat.
2. Meluaskan sudut pandang dan pemikiran tentang Pendidikan Islam supaya dapat memperkasakan tadbir urus institusi pendidikan Islam.

Ucapan alu-aluan telah disampaikan oleh Pengarah Jabatan Hal Ehwal Islam Negeri Sembilan (JHEAINS), YBhg. Dato' Mohd. Zaidi bin Ramli manakala ucapan perasmian disampaikan oleh Ketua Pengarah IKIM, YBhg. Prof. Madya Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil. Pengerusi IKIM, YBhg. Prof. Emeritus Tan Sri



Ucaptama "Pendidikan dan Peradaban Islam: Cabaran Masa Kini" oleh YBhg. Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Mohd Kamal bin Hassan, Pengerusi IKIM pada 26 Oktober 2022 di Dewan Besar, Pusat Dakwah Islamiah, Paroi, Negeri Sembilan sempena "Seminar Pendidikan dan Peradaban Islam: Cabaran Masa Kini".



Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Mohd Zaidi bin Ramli, Pengarah, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam, Negeri Sembilan.

Dr. Mohd Kamal bin Hassan telah menyampaikan ucaptama yang bertajuk "Pendidikan Dan Peradaban Islam: Cabaran Masa Kini" di dalam seminar tersebut.

Seminar kerjasama antara IKIM dengan JHEAINS ini merupakan satu usaha untuk memperkasakan usaha dakwah dan Pendidikan Islam di Negeri Sembilan dan diharap dapat meningkatkan lagi motivasi dan semangat bersama dalam usaha menaikkan martabat agama dan bangsa.

Para pembentang terdiri daripada pegawai IKIM iaitu; YBhg. Dr. Mohd. Zaidi bin Ismail, Timbalan Ketua Pengarah IKIM; YBhg. Dr. Mohd. Farid bin Mohd. Shahran, Pengarah Pusat Kajian Syariah, Undang-undang dan Politik IKIM; YBhg. Dr. Mohd. Sani bin Badron, Pengarah Pusat Kajian Ekonomi dan Kemasyarakatan IKIM; Dr. Nik Roskiman bin Abd. Samad, Fellow Kanan, Pusat Kajian Syariah, Undang-undang dan Politik IKIM; dan YBrs. En. Md. Asham bin Ahmad, Fellow Kanan, Pusat Kajian Syariah, Undang-undang dan Politik IKIM.



Majlis penutup telah disempurnakan oleh YBrs. Tuan Haji Abdul Rahim bin Ma'amor, Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pendidikan, JHEAINS pada 27 Oktober 2022.



Sesi pembentangan kertas kerja bertajuk "Ilmu dan Peradaban antara Pembudayaan dan Tentangan Masa Kini" oleh YBhg. Dr. Mohd Zaidi bin Ismail, Timbalan Ketua Pengarah IKIM.



Sesi pembentangan kertas kerja bertajuk "Penyucian Jiwa Sebagai Teras Pendidikan dan Pra-Syarat Peradaban" oleh YBhg. Dr. Nik Roskiman bin Abdul Samad, Fellow Kanan, Pusat SYARAK IKIM.



Sebahagian daripada para peserta yang hadir.

9. WEBINAR ISLAM TODAY

Webinar ini telah dilaksanakan pada 9 November 2022 dengan kerjasama International Islamic Academy Uzbekistan, Imam Bukhari International Scientific Research Centre (IBISRC), Uzbekistan dan Centre for Islamic Civilization, Uzbekistan. Webinar siri kedua ini merupakan salah satu aktiviti yang dijalankan hasil daripada MoU yang telah ditandatangani pada Jun 2020.

Objektif webinar ini adalah seperti yang berikut:

1. Memahami pengaruh Islam di dalam kemajuan serta pencapaian manusia di dalam tamadun Islam.
2. Membincangkan bagaimana Islam menyediakan penyelesaian terbaik kepada cabaran dan masalah yang dihadapi oleh dunia hari ini.
3. Sebagai satu usaha dalam menghargai dan memperakui sumbangan ilmuwan-ilmuwan awal Muslim kepada bidang sains dan keilmuan serta pengaruh mereka di dalam dunia moden hari ini.

Webinar ini turut membincangkan perspektif Islam berkenaan dengan cabaran global hari ini serta pengaruh ilmuwan Muslim dalam tamadun Islam. Ucapan alu-aluan disampaikan oleh Ketua Pengarah IKIM, YBhg. Prof. Madya Dr.

Mohamed Azam bin Mohamed Adil dan juga pihak Timbalan Rektor, International Islamic Academy, Uzbekistan, Prof. Dr. Zohidjon Islamov.

Terdapat empat (4) orang ahli panel telah memberikan pandangan mereka di dalam webinar ini. Mereka terdiri daripada (1) Ahli Lembaga Pengarah IKIM, YBhg. Prof. Emeritus Datuk Dr. Mohd Yusof bin Haji Othman; (2) International Islamic Academy, Uzbekistan, Assoc. Prof. Dr. Ilhomjon Bekmirzayev; (3) Imam Bukhari International Scientific Research Centre (IBISRC), Uzbekistan, Dr. Olovkhon Nematov; dan (4) Centre for Islamic Civilization, Uzbekistan, Dr. Zohidullo Munavvarov.

Ucapan penutup telah disampaikan oleh Pengarah Imam Bukhari International Scientific Research Centre (IBISRC), Uzbekistan, Prof. Dr. Shovosil Ziyodov dan Pengarah Centre for Islamic Civilization, Uzbekistan, Tuan Yang Terutama Ambassador Shaazim Minovarov.



YBhg. Prof. Madya Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM menyampaikan ucapan alu-aluan dalam webinar tersebut.



TYT Ambassador Shaazim Minovarov, Pengarah Centre for Islamic Civilization, Uzbekistan menyampaikan ucapan penutup dalam webinar ini.



Assoc. Prof. Dr. Ilhomjon Bekmirzayev, International Islamic Academy, Uzbekistan menyampaikan kertas kerja bertajuk “The Role of The Faqihs (Islamic Jurists) of Banu Moza (Oli Moza) in the Social and Cultural Life of Bukhara in the 11th–13th Centuries”.



YBhg. Prof. Emeritus Datuk Dr. Mohd Yusof bin Haji Othman, Ahli Lembaga Pengarah IKIM menyampaikan kertas kerja bertajuk “Brief Notes on the Transfer of Science & Techology to the Medieval Islamic Period”.



Para pembentang yang telah menyampaikan kertas pembentangan secara dalam talian dalam Webinar “Islam Today” pada 9 November 2022.

KONGRES NASIONAL

10. KONGRES NASIONAL “ISLAM, KELUARGA MALAYSIA DAN KEHARMONIAN: MEMBINA AGENDA KALIS CABARAN MASA DEPAN”

Kongres yang telah dianjurkan pada 19–20 Mei 2022 ini telah dirasmikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Yang Berhormat Senator Datuk Haji Idris bin Haji Ahmad, yang turut menyampaikan ucaptama dalam kongres tersebut. Sementara itu, Timbalan Pengerusi IKIM, YBhg. Dato’ Wan Mohammad bin Dato’ Sheikh Abdul Aziz telah menyampaikan ucapan alu-aluan.

Objektif kongres ini adalah seperti yang berikut:

1. Membincangkan nilai-nilai utama bagi masyarakat pelbagai budaya dan bangsa di Malaysia.
2. Menjelaskan elemen penting dalam usaha membentuk perpaduan dan keharmonian yang mampan bagi sebuah Keluarga Malaysia.
3. Membina kesedaran berkenaan kepentingan mengukuhkan Keluarga Malaysia berpandukan prinsip-prinsip Rukun Negara dan Perlembagaan Persekutuan tanpa bersalah dengan Islam.

Kongres ini dianjurkan bagi menyediakan ruang perbincangan berkenaan dengan kepentingan mensejahterakan dan mengharmonikan hubungan masyarakat pelbagai bangsa dan agama di Malaysia dalam bingkai yang dibolehkan oleh Perlembagaan persekutuan dan disemangati oleh Islam. Kertas pembentangan dalam kongres ini membincangkan tajuk-tajuk yang penting berkenaan dengan Islam dan kepelbagaiannya, Perlembagaan Persekutuan, Rukun Negara dan jati diri bangsa, perpaduan, agenda ekonomi yang kalis cabaran masa depan serta integriti dalam tadbir urus negara.

Enam (6) orang ahli panel telah dijemput membentangkan kertas kerja, iaitu YBhg. Dr. Mohd Farid bin Mohd Shahran, Fellow Utama/Pengarah, Pusat Kajian Syariah, Undang-Undang dan Politik (SYARAK), IKIM; YBhg. Prof. Emeritus Datuk Dr. Teo Kok Seong, Fellow Penyelidik Utama, Institut Kajian Etnik (KITA), UKM; YBhg. Prof. Datuk Dr. Shamrahayu binti Ab. Aziz Penyandang Kursi, Institut Raja-Raja Melayu, Universiti Teknologi MARA (UiTM); YBhg. Prof. Dr. Sivamurugan Pandian (USM); YBhg. Tan Sri Dato’ Seri Dr. Sulaiman bin Mahbob (MIER); dan YBhg. Tan Sri Mohd Sidek bin Haji Hassan (Suruhanjaya Integriti Agensi Pengquatkuasaan Malaysia).

Satu sesi forum Gagasan Anak Muda Untuk Malaysia bertajuk “Orang Muda, Politik dan Malaysia yang Harmonis” telah diadakan pada hari kedua Kongres Nasional. Ahli panel forum terdiri daripada aktivis dan pemimpin belia serta pemimpin muda dari parti politik. Mereka terdiri daripada YBrs. En. Jufitri bin Joha, Mantan Presiden, Majlis Belia Malaysia (MBM); YBrs. En. Afnan Hamimi bin Dato’ Taib Azamudden, Timbalan Ketua Dewan Pemuda PAS Malaysia; YBrs. En. Noor Azleen bin Ambros, Exco Pemuda UMNO Malaysia; YBrs. En. Amos Thien, Pengurus Parti MUDA Sabah; dan En. Danesh Raj Nagarajan, Ahli Lembaga Universiti Malaya.



Majlis Pelancaran Montaj Sambutan Ulang Tahun IKIM Ke-30 oleh YB Senator Datuk Haji Idris bin Haji Ahmad (tengah), Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama). Turut bersama ialah YBhg. Dato’ Wan Mohammad bin Dato’ Sheikh Abdul Aziz, Timbalan Pengurus IKIM dan YBhg. Prof. Madya Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM pada 19 Mei 2022.



Yang Berhormat Senator Datuk Haji Idris bin Haji Ahmad, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) telah merasmikan Kongres Nasional “Islam, Keluarga Malaysia Dan Keharmonian: Membina Agenda Kalis Cabaran Masa Depan” pada 19 Mei 2022.



Para pembentang kertas kerja sesi 1, dari kiri YBhg. Dr. Shaikh Mohd Saifuddeen bin Shaikh Mohd Salleh, Fellow Kanan/Pengarah Pusat Kajian Sains dan Alam Sekitar (KIAS), IKIM selaku moderator; YBhg. Dr. Mohd Farid bin Mohd Shahran, Fellow Utama/Pengarah, Pusat Kajian Syariah, Undang-Undang dan Politik (SYARAK) IKIM; YBhg. Prof. Datuk Dr. Shamrahayu binti Ab. Aziz, Penyandang Kursi, Institut Raja-Raja Melayu, Universiti Teknologi MARA (UiTM); dan YBhg. Prof. Emeritus Datuk Dr. Teo Kok Seong, Fellow Penyelidikan Utama, Institut Kajian Etnik (KITA), UKM.



Para pembentang kertas kerja sesi 2, dari kiri YBhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Sulaiman bin Mahbob, Pengurus, Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER); YBhg. Dr. Mohd Sani bin Badron, Fellow Utama/Pengarah, Pusat Kajian Ekonomi dan Kemasyarakatan (EMAS) IKIM selaku moderator; YBhg. Tan Sri Mohd Sidek Haji Hassan, Pengurus, Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC); dan YBhg. Prof. Dr. Sivamurugan Pandian, Pensyarah, Universiti Sains Malaysia (USM).



Ahli panel Forum Gagasan Anak Muda untuk Malaysia: Orang Muda, Politik dan Malaysia yang Harmonis, duduk dari kiri YBrs. Pn. Enizahura binti Abdul Aziz, Fellow, Pusat Kajian Syariah, Undang-Undang dan Politik (SYARAK) IKIM selaku moderator; YBrs. En. Jufitri bin Joha, Mantan Presiden, Majlis Belia Malaysia (MBM); YBrs. En. Afnan Hamimi bin Dato' Taib Azamuddin, Timbalan Ketua Dewan Pemuda Pas Malaysia; YBrs. En. Amos Thien, Penggerusi Parti MUDA Sabah; dan YBrs. En. Danesh Raj Nagarajan, Ahli Lembaga Universiti Malaya.



Sebahagian daripada para peserta Kongres Nasional “Islam, Keluarga Malaysia Dan Keharmonian: Membina Agenda Kalis Cabaran Masa Depan”.

FORUM

11. INTERNATIONAL FORUM ROYAL PROFESSOR UNGKU A.AZIZ: EXPANDING THE FRONTIERS OF DEVELOPMENT

IKIM telah menganjurkan forum antarabangsa ini pada 15 Disember 2022 yang telah dirasmikan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah.

Objektif program ini adalah seperti yang berikut:

1. Menilai pendekatan kesarjanaan Ungku Aziz dan kaitannya dengan soal pembangunan.
2. Membincangkan kehidupan ilmiah dan penghayatan Ungku Aziz terhadap karya agung dalam konteks pembangunan.
3. Meneroka konsep “pembangunan” yang lebih menyeluruh berdasarkan pemikiran Ungku Aziz.

Ucapan alu-aluan telah disampaikan oleh YBhg. Prof. Madya Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM. Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah telah menyampaikan titah ucapan dan seterusnya melancarkan buku terbitan IKIM bertajuk “Ungku Aziz’s Vision of Development: A Muslim’s Experience in the Modern Times”.

Bersempena forum ini juga turut diadakan sesi forum yang mengetengahkan ahli panel yang terdiri daripada (1) Profesor Ulung di Universiti Kebangsaan Malaysia. YBhg. Prof. Ulung Datuk Dr. Shamsul Amri bin Baharuddin; (2) Profesor Kehormat di Universiti

Malaya; YBhg. Dr. Azizah binti Hamzah; (3) Profesor dari KTO Karatay University, Turki, Prof. Dr. Murat Cizakca; dan (4) Fellow, Pusat Kajian Ekonomi dan Kemasyarakatan IKIM, Dr. Muhammad Syafiq bin Borhanuddin.



1. Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan ketika memberikan tital ucapan dan melancarkan forum.
2. Barisan tetamu kehormat dari kanan, YBhg. Tan Sri Dr. Zeti Akhtar binti Ungku Abdul Aziz, YBhg. Prof. Madya Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, YB Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd. Nai'im bin Haji Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, dan YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Mohd Yusof bin Hj. Othman, Ahli Lembaga Pengarah IKIM.
3. Ahli panel forum dari kiri, YBhg. Prof. Datuk Dr. Azizan binti Baharuddin, Universiti Malaya; YBhg. Prof. Ulung Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin Universiti Kebangsaan Malaysia; YBhg. Prof. Dr. Azizah binti Hamzah, Universiti Malaya; dan Dr. Muhammad Syafiq bin Borhanuddin. Fellow, Pusat Kajian Ekonomi dan Kemasyarakatan IKIM.
4. Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan telah melancarkan buku terbitan IKIM bertajuk "Ungku Aziz's Vision of Development: A Muslim's Experience in the Modern Times".



Sebahagian daripada tetamu jemputan yang hadir semasa forum Antarabangsa “Royal Professor Ungku A.Aziz: Expanding The Frontiers of Development”.



YBrs. Dr. Muhammad Syafiq bin Borhanuddin, Fellow, Pusat Kajian Ekonomi dan Kemasyarakatan IKIM sebagai salah seorang ahli panel forum.



YBhg. Prof. Ulung Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin Universiti Kebangsaan Malaysia ketika menyampaikan kertas kerja semasa forum berlangsung.

MUZAKARAH PAKAR / PERBINCANGAN MEJA BULAT

12. PERSIDANGAN MEJA BULAT “INPUT PERUNDINGAN & KEANGGOTAAN FATWA NEGERI-NEGERI DI MALAYSIA”

Persidangan meja bulat ini telah diadakan pada 28 Februari 2022 di IKIM. Persidangan meja bulat ini berjaya melibatkan semua wakil Pejabat Mufti negeri (kecuali Perlis) untuk memberikan input serta bersedia bekerjasama dalam kajian lapangan selepas ini.

Objektif persidangan meja bulat ini adalah seperti yang berikut:

1. Menyemak peruntukan undang-undang dan enakmen berkaitan fatwa di setiap negeri.
2. Memperincikan bidang kuasa, keahlian dan mekanisme pelaksanaan fatwa.
3. Mendapatkan maklum balas cabaran dan cadangan mengharmonikan fatwa secara seragam.

Ketua Pengarah IKIM, YBhg. Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil telah menyampaikan ucapan alu-aluan diikuti dengan taklimat penyelidikan oleh Fellow Utama/Pengarah Pusat Kajian Syariah, Undang-undang & Politik, IKIM, YBhg. Dr. Mohd. Farid bin Mohd. Shahran.

Dua pembentangan kertas kerja telah diadakan dalam perbincangan meja bulat ini, iaitu oleh YBhg. Prof. Dr. Irwan bin Mohd. Subri, Pengarah Institut Fatwa & Halal (IFFAH), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dengan tajuk “Analisa Awal Perundangan Fatwa di Malaysia” dan YBhg. Prof. Madya Dr. Wan Mohd. Yusof bin Wan Cik, Pensyarah Kanan, Universiti Zainal Abidin (UniSZA) dengan tajuk “Keahlian dan Kewibawaan Fatwa di Malaysia”. Persidangan ini diakhiri dengan sesi diskusi yang dikendalikan oleh Fellow Utama/Pengarah Pusat Kajian Syariah, Undang-undang & Politik, IKIM, YBhg. Dr. Mohd. Farid bin Mohd. Shahran.

13. MUZAKARAH KEBERKESANAN FATWA

Muzakarah Pakar ini telah diadakan pada 9 Ogos 2022 di Dewan Besar, IKIM.

Objektif muzakarah pakar ini adalah seperti yang berikut:

1. Memperincikan peruntukan perundangan fatwa di Malaysia.
2. Membincangkan ruang penyelarasian bidang kuasa, keahlian, percanggahan dan mekanisme pengurusan fatwa.
3. Mengkaji kemungkinan cabaran dan hala tuju meningkatkan keberkesanan fatwa.

IKIM telah mengambil inisiatif memurnikan kembali institusi fatwa dengan mengumpul pakar bidang dan pengamal perlaksanaan fatwa di Malaysia untuk sama-sama mengambil bahagian dalam muzakarah ini. Ucapan aluan telah disampaikan oleh Ketua Pengarah, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Y.Bhg. Prof. Madya Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil.

Lima (5) orang ahli panel telah membentangkan kertas kerja, iaitu Pengarah Institut Fatwa & Halal (IFFAH), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), YBhg. Profesor Dr. Irwan bin Mohd Subri; Ketua Pusat Pengajian Syariah, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), YBhg. Dr. Ahmad Faizul bin Ismail; Profesor Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, YBhg. Dato' Prof. Dr. Ahmad Hidayat bin Buang; Mufti Wilayah Persekutuan, Sahibus Samahah Datuk Dr. Luqman bin Abdullah; Pensyarah Jabatan Syariah, Fakulti Syariah & Undang-undang, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), YBhg. Dr. Rosli bin Mokhtar; dan Fellow Kanan, Pusat Kajian Syariah, Undang-undang & Politik (SYARAK) IKIM YBrs. En. Md Asham bin Ahmad.



YBhg. Prof. Madya Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil, Ketua Pengarah, IKIM ketika menyampaikan ucapan alu-aluan.



Sesi pembentangan kertas kerja sidang 1 bertemakan “Kedudukan Perundangan dan Keahlian Fatwa”. Dari kiri, YBhg. Dr. Mohd Farid bin Mohd Shahran, Fellow Utama/Pengarah, Pusat Kajian Syariah, Undang-Undang & Politik (SYARAK) IKIM, selaku moderator sesi; Prof. Dr. Irwan bin Mohd Subri, Pengarah Institut Fatwa & Halal (IFFAH), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM); YBhg. Dr. Ahmad Faizol bin Ismail, Ketua, Pusat Pengajian Syariah, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UNIZA); dan YBhg. Dato' Prof. Dr. Ahmad Hidayat bin Buang, Jabatan Pengajian Syariah dan Undang-Undang Akademik Pengajian Islam Universiti Malaya (UM).

14. MUZAKARAH PAKAR “WAKAF TENAGA DIPERBAHARUI: KE ARAH KELESTARIAN ALAM SEKITAR”

Muzakarah ini telah diadakan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada 20–21 Oktober 2022 yang merupakan program kerjasama antara IKIM dengan Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) bersempena jalinan MoU antara IKIM dengan LESTARI yang telah dimeterai pada 9 Februari 2021.

Objektif muzakarah pakar ini adalah seperti yang berikut:

1. Memahami kesan industri penjanaan tenaga elektrik berasaskan bahan api fosil kepada alam sekitar.
2. Meneliti isu dan cabaran pelaksanaan wakaf tenaga boleh diperbaharui di Malaysia.
3. Meneroka kebolehlaksanaan dana wakaf untuk penyelidikan dan pembangunan tenaga boleh diperbaharui di Malaysia.

Enam (6) orang ahli panel telah membentangkan kertas kerja, iaitu YBhg. Prof. Ir. Dr. Abd Halim bin Shamsuddin, Profesor Kursi, AAIBE Chair of Renewable Energy, Universiti Tenaga Nasional (UNITEN); YBhg. Dr. Muhammad Ikhlas bin Rosele, Ketua Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (UM); YBhg. Prof. Dr. Amir bin Shahraruddin, Ketua Pegawai Eksekutif, Yayasan Waqaf Malaysia; YBrs. Pn. Azrina binti Sobian, Fellow, Pusat Kajian Sains dan Alam Sekitar, IKIM; YBhg. Prof. Madya, Dr. Mohd Adib bin Ibrahim, Pengarah, Institut Penyelidikan Tenaga Suria (SERI), UKM; dan YBhg. Dr. Raudha binti Md. Ramli, Pensyarah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Pada hari kedua program, telah berlangsung majlis penutup dan pelancaran buku baharu terbitan IKIM dan UKM oleh Pro-Naib Canselor (Strategi & Pembangunan Korporat), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), YBhg. Prof. Dr. Roslee bin Rajikan. Ketua Pengarah IKIM, YBhg. Prof. Madya Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil telah menyampaikan ucapan alu-aluan I, manakala Pengarah Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI), UKM, YBhg. Prof. Madya ChM. Dr. Goh Choo Ta telah menyampaikan ucapan alu-aluan II. Ucaptama bertajuk “Malaysia dan Peralihan kepada Tenaga Boleh Diperbaharui: Langkah Praktikal Ke Hadapan” telah disampaikan oleh Fellow Institut, Institut Penyelidikan Tenaga Suria (SERI), UKM, YBhg. Prof. Dato' Ts. Dr. Kamaruzzaman bin Sopian.



1. YBhg. Prof. Dr. Roslee bin Rajikan, Pro-Naib Canselor (Strategi & Pembangunan Korporat) UKM ketika berucap di majlis Penutup Muzakarah Pakar "Wakaf Tenaga Diperbaharui: Ke Arah Kelestarian Alam Sekitar" pada 21 Oktober 2022.
2. Ucap utama bertajuk "Malaysia dan Peralihan Kepada Tenaga Boleh Di Perbaharui: Langkah Pratikal ke Hadapan" disampaikan oleh YBhg. Prof. Dato' Ts. Dr. Kamaruzzaman bin Sopian, Fellow Institut, Institut Penyelidikan Tenaga Suria (SERI), UKM.
3. Sesi 1 pembentangan kertas kerja, dari kiri ialah YBhg. Prof. Dr. Amir bin Shahruddin, Ketua Pegawai Eksekutif, Yayasan Wakaf Malaysia; YBhg. Prof. Ir. Dr. Abd. Halim bin Shamsudin, Profesor Kursi, AAIBE Chair of Renewable Energy, Universiti Tenaga Nasional (UNITEN); dan YBhg. Dr. Shaikh Mohd Saifuddeen bin Shaikh Mohd Salleh, Fellow Utama/Pengarah Pusat KIAS, IKIM selaku moderator.
4. Sesi 2 pembentangan kertas kerja dari kiri, YBrs. Pn. Azrina binti Sobian, Fellow Pusat KIAS, IKIM; YBhg. Dr. Raudha binti Md. Ramli, Pensyarah Akademi Pengajian Kontemporari, UiTM; YBhg. Dr. Sharina binti Abdul Halim, Timbalan Pengarah, Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARi) selaku moderator; dan YBhg. Prof. Madya Dr. Mohd Adib bin Ibrahim, Institut Penyelidikan Tenaga Suria (SERI), UKM.
5. Pelancaran buku terbitan IKIM dan UKM pada 21 Oktober 2022. Berdiri dari kiri ialah YBhg. Dr. Mohd Zaidi bin Ismail, Timbalan Ketua Pengarah IKIM; YBhg. Prof. Madya Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM; YBhg. Prof. Dr. Roslee bin Rajikan, Pro-Naib Canselor (Strategi & Pembangunan Korporat) UKM; YBhg. Prof. Madya ChM. Dr. Goh Choo Ta, Pengarah Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARi), UKM; dan YBhg. Prof. Dato' Ts. Dr. Kamaruzzaman bin Sopian, Fellow Institut, Institut Penyelidikan Tenaga Suria (SERI) UKM.

15. PERBINCANGAN MEJA BULAT “PELAKSANAAN KONSEP PAMPASAN DALAM PERUNDANGAN MALAYSIA”

Perbincangan meja bulat ini telah diadakan secara tertutup dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (IKIM) dan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) pada 12 Ogos 2022 bertempat di Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.

Objektif perbincangan meja bulat ini diadakan adalah seperti yang berikut:

1. Mengenal pasti kebolehlaksanaan pampasan dalam sistem perundangan Malaysia;
2. Membincangkan peranan dan peluang bagi waris mangsa untuk memaaafkan serta menuntut pampasan oleh pesalah yang disabitkan;
3. Mengemukakan cadangan dan resolusi bagi pelaksanaan konsep pampasan dalam sistem perundangan Malaysia.

Perbincangan ini diadakan bagi membincangkan pelaksanaan konsep pampasan (diyat) dalam sistem perundangan Malaysia. Peserta dalam persidangan tertutup ini terdiri daripada wakil agensi seperti Jabatan Peguam Negara, ahli akademik yang terdiri daripada pensyarah undang-undang jenayah dan undang-undang jenayah Islam, Persatuan Guaman Syarie Malaysia dan Persatuan Peguam Muslim Malaysia (PPMM).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Senator Haji Idris bin Ahmad telah menyampaikan ucapan perasmian dalam perbincangan tersebut. Kerta utama bertajuk “Pelaksanaan Pampasan dalam Sistem Perundangan Malaysia” telah dibentangkan oleh Prof. Madya Dr. Siti Zubaidah binti Ismail dari Jabatan Syariah dan Undang-undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.



Perbincangan Meja Bulat “Perlaksanaan Konsep Pampasan Dalam Perundangan di Malaysia” yang dipengerusikan oleh YB Senator Datuk Haji Idris Haji Ahmad, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama).



Para peserta perbincangan meja bulat bertajuk “Pelaksanaan Konsep Pampasan Dalam Perundangan Malaysia” yang berlangsung di Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, Putrajaya.

16. PERBINCANGAN MEJA BULAT “PENGUKUHAN PENDIDIKAN ISLAM DI IPT”

Perbincangan meja bulat ini telah diadakan dengan kerjasama Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM) pada 18 Oktober 2022 bertempat di IKIM.

Objektif perbincangan meja bulat ini adalah seperti yang berikut:

1. Menegaskan keperluan mengekalkan keperluan Pendidikan Islam di institusi pengajian tinggi awam dan swasta.
2. Meneliti isu-isu yang berkaitan dengan status Pendidikan Islam di IPT.
3. Merumuskan langkah pengukuhan Pengajian Islam di IPT.
4. Merumuskan resolusi untuk dipanjangkan kepada pihak-pihak yang berkenaan sebagai rekomendasi kepada pengukuhan dan penambahbaikan kepada kandungan dan pelaksanaan matapelajaran Pengajian Islam di IPT.

Persidangan ini diharap dapat menumpukan usaha untuk menyegarkan semula kedudukan Pendidikan Islam di IPT sebagai satu komponen wajib dalam proses melahirkan pelajar yang berkeperibadian Islam yang menyeluruh. Ucapan alu-aluan telah disampaikan oleh Presiden MAPIM, YBhg. Hj. Mohd. Azmi bin Abdul Hamid dan juga Ketua Pengarah IKIM, YBhg. Prof. Madya Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil.

Pakar bidang yang membincarakan topik ini ialah YBhg. Dato' Mohd. Mokhtar bin Shafii, YBhg. Dr. Kamaruzaman bin Yusoff, YBhg. Prof. Madya Ezani bin Yaakub dan YBhg. Prof. Dr. Badlihisham bin Mohd. Nasir.



Ucapan alu-aluan disampaikan oleh YBhg. Prof. Madya Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil (kanan), Ketua Pengarah IKIM dan juga oleh YBhg. Tuan Haji Mohd Azmi bin Abdul Hamid, Presiden MAPIM.



Barisan ahli panel dari kiri, YBhg. Dato Mohd. Mokhtar bin Shafii; YBhg. Dr. Kamaruzaman bin Yusoff; YBhg. Prof. Madya Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil, Presiden MAPIM selaku moderator; YBhg. Prof. Madya Ezani bin Yaakub; dan YBhg. Prof. Dr. Badlihisham bin Mohd. Nasir.



Para peserta Persidangan Meja Bulat "Pengukuhan Pendidikan Islam di IPT" yang telah diadakan pada 18 Oktober 2022.

WACANA / SYARAHAN

17. SIRI SYARAHAN ISLAM DAN SAINS “PENSWA-ACUANAN ILMU”

Syaran yang julung-julung kali dijalankan ini telah diadakan pada 24 Mei 2022 di IKIM dan disiarkan secara langsung di tvIKIM dan laman Facebook IKIM. Fellow Kehormat IKIM, YBhg. Prof. Emeritus Dr. Shaharir bin Mohamad Zain menyampaikan syaran bertajuk “Penswa-acuanan Ilmu”.

Objektif syaran ini adalah seperti yang berikut:

1. Memberi definisi dan kefahaman tentang kepentingan penswa-acuanan ilmu.
2. Mengenal pasti isu dan cabaran penswa-acuanan ilmu ke atas umat Islam.
3. Mengutarkan cadangan penyelesaian terhadap cabaran penswa-acuanan ilmu dari perspektif Islam.

YBhg. Prof. Emeritus Dr. Shaharir telah mengupas proses membangunkan ilmu menggunakan acuan kita sendiri dengan lebih mendalam dalam hubungan dengan pembangunan ilmu di Malaysia dari sudut pandang sejarah. Menerbitkan ilmu juga memerlukan acuan sendiri, iaitu ilmu yang dimaksudkan dalam pembentangan ini ialah ilmu sains bukan ilmu agama seperti fekah, tauhid dan sebagainya.

Ketua Pengarah IKIM, YBhg. Prof. Madya Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil telah menyampaikan ucapan aluan. Manakala Fellow Kanan, Pusat Kajian Sains dan Alam Sekitar (KIAS) IKIM sebagai moderator dalam syaran tersebut.



Ucapan aluan oleh YBhg. Prof. Madya Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM semasa Siri syaran Islam dan Sains “Penswa-acuanan Ilmu” pada 24 Mei 2022.



YBhg. Prof. Emeritus Dr. Shaharir bin Mohamad Zain, Fellow Kerhormat IKIM, semasa menyampaikan siri syarahan di Dewan Besar IKIM.



Sebahagian daripada para peserta syarahan.

18. SYARAHAN KHAS OLEH TUAN YANG TERUTAMA SHEIKH DR. MOHAMMAD ABDULKARIM AL-ISSA, SETIAUSAHA AGUNG, MUSLIM WORLD LEAGUE

Program syarahan ini merupakan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) antara Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) yang telah diadakan pada 28 Jun 2022 bertempat di Dewan Senat, UIAM. TYT Sheikh Dr. Mohammad Abdulkarim Al-Issa merupakan Setiausaha Agong Liga Dunia Islam atau Rabitah Al-'Alami Islami.

Objektif program ini adalah seperti yang berikut:

1. Berkongsi nilai-nilai berkaitan kesederhanaan, keharmonian dan perpaduan dalam kepelbagaian masayarakat.
2. Menjelaskan perspektif Islam berkenaan isu-isu berkaitan kesederhanaan dan keamanan hidup bersama.
3. Membina rasa tanggungjawab terutamanya dalam kalangan umat Islam bagi mengangkat nilai-nilai penting yang diperlukan untuk membina keamanan hidup bersama antara masyarakat pelbagai agama.

Syarahan TYT Sheikh Dr. Mohammad Abdulkarim Al-Issa yang bertajuk "Religion, Moderation and Peaceful Coexistence" amat penting bagi memahami pendekatan kesederhanaan dalam masyarakat

pelbagai bangsa, agama dan budaya sesuai dengan konteks masyarakat di Malaysia. Program seumpama ini merupakan satu platform yang amat baik untuk membina jaringan dan hubungan baik antara masyarakat pelbagai budaya, bangsa dan agama.



TYT Sheikh Dr. Mohammad Abdulkarim Al-Issa, Setiausaha Agong Liga Dunia Islam semasa menyampaikan syarahan khas yang berlangsung di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.



TYT Sheikh Dr. Mohammad Abdulkarim Al-Issa menjawab persoalan yang dikemukakan oleh tetamu. Turut kelihatan YBhg. Prof. Madya Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM.



Salah seorang tetamu bertanyakan soalan semasa sesi soal jawab.



TYT Sheikh Dr. Muhammad Abdulkarim Al- Issa (tengah), Pengurus Rabitah al-Alam al-Islami (Muslim World League) bersama YBhg. Prof Madya Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM; YBhg. Prof. Dr. Ahmad Faris bin Ismail Timbalan Rektor (Akademik dan Pengantarabangsaan) UIAM serta Sekretariat Penyelarasan Bersama "Program Syarahan Khas oleh Tuan Yang Terutama Sheikh Dr. Mohammad Abdulkarim Al- Issa, Setiausaha Kehormat Rabitah al-Alam al- Islami (Muslim World League) pada 28 Jun 2022 di Bangunan Rektor UIAM, Gombak, Kuala Lumpur.

19. SYARAHAN ULUNG PROFESOR EMERITUS TAN SRI DR. MOHD. KAMAL HASSAN

Program syarahan ini telah diadakan dengan kerjasama pihak Menara Kuala Lumpur pada 25 Oktober 2022. Program yang turut disiarkan secara langsung menerusi Facebook IKIM dan tvIKIM diharap menjadi rujukan penting kepada pihak berkaitan dalam mengekang tindakan dan perbuatan rasuah yang sememangnya menyalahi etika dan sangat dilarang oleh agama Islam.

Objektif program ini adalah seperti yang berikut:

1. Mengangkat pemikiran dan pandangan Pengurus IKIM tentang kebejatan perbuatan rasuah seperti yang terkandung dalam buku "Korupsi Dan Kemunafikan Dalam Politik Melayu Perlunya Disegerakan Transformasi Moral-Etika" kepada masyarakat umum.
2. Menjalankan fungsi dan tanggungjawab IKIM menyebarluas kefahaman ilmu dengan mengajak umat manusia kepada perkara amal makruf dan menjauhi perbuatan mungkar.
3. Mendokong aspirasi kerajaan dalam menyampaikan maklumat dan mendidik masyarakat menjauhi amalan rasuah.

Majlis dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Ketua Pengarah IKIM, YBhg. Prof. Madya Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil seterusnya diikuti dengan syarahan oleh Pengurus IKIM, YBhg. Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Mohd Kamal bin Hassan bertajuk "Korupsi dan Kemunafikan Dalam Politik Melayu: Perlunya Disegerakan Transformasi Moral-Etika". Pengajuran syarahan ulung ini merupakan satu usaha IKIM dalam menyokong tindakan memerangi rasuah terutama

dalam kalangan pemimpin politik secara khasnya dan rakyat Malaysia secara amnya. Selain itu, syarahan ini juga merupakan usaha untuk menyebarluaskan pandangan dan saranan cendekiawan ulung negara tentang keperluan kepada satu gerakan transformasi moral-etika di negara ini sebagai satu usaha menangani permasalahan rasuah yang sedang berlaku terutama dalam kalangan ahli politik Melayu-Muslim.



YBhg. Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Mohd Kamal bin Hassan, Pengurus IKIM menyampaikan syarahan bertajuk "Korupsi dan Kemunafikan Dalam Politik Melayu: Perlunya Disegerakan Transformasi Moral-Etika".



YBhg. Prof. Madya Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM ketika menyampaikan ucapan alu-aluan.



Salah seorang daripada peserta bertanyakan soalan semasa sesi soal jawab.

KURSUS / BENGKEL

20. KURSUS “ISLAM DAN AMALAN PENYELIDIKAN BERETIKA”

Kursus ini telah diadakan pada 20–30 Mac 2022 yang dikendalikan oleh YBhg. Dr. Shaikh Mohd Saifuddeen bin Shaikh Mohd Salleh, Fellow Utama/Pengarah Pusat Kajian Sains dan Alam Sekitar (KIAS) IKIM.

Bengkel ini telah dianjurkan buat kali ketiga bagi memberikan pendedahan dan kesedaran mengenai amalan penyelidikan yang beretika, iaitu:

1. Perspektif Islam mengenai kepentingan amalan penyelidikan beretika.
2. Ekosistem dan pihak berkepentingan dalam penyelidikan.
3. Pelanggaran etika penyelidikan.
4. Etika pengurusan data penyelidikan.
5. Etika penerbitan dan penulisan hasil penyelidikan.
6. Pembudayaan amalan penyelidikan beretika.

Bengkel dua (2) hari ini dibahagikan kepada enam sesi, iaitu (i) Islam dan amalan penyelidikan beretika; (ii) Ekosistem dan pihak berkepentingan dalam penyelidikan; (iii) Pelanggaran etika penyelidikan: perspektif Islam; (iv) Etika Islam dalam pengurusan data penyelidikan; (v) Etika Islam dalam penerbitan dan penulisan hasil penyelidikan dan (vi) Pembudayaan amalan penyelidikan beretika menurut perspektif Islam.



YBhg. Dr. Shaikh Mohd Saifuddeen bin Shaikh Mohd Salleh, Fellow Kanan/Pengarah Pusat Kajian Sains dan Alam Sekitar (KIAS) semasa mengendalikan Bengkel “Islam & Amalan Penyelidikan Beretika” pada 29 Mac 2022.



Sesi latihan dijalankan.



Para peserta Bengkel “Islam & Amalan Penyelidikan Beretika”.

21. KURSUS ISLAMIC FAMILY OFFICE (FO) AND WEALTH MANAGEMENT

Kursus bertemakan trend, cabaran dan peluang dalam sektor pengurusan kekayaan keluarga ini telah dijalankan secara fizikal dan juga secara dalam talian menggunakan platform Zoom pada 8–9 Jun 2022 di IKIM. Program pengurusan kekayaan melalui pejabat keluarga yang kali pertama dianjurkan oleh IKIM ini merupakan cetusan ilham Almarhum Tun Ahmad Sarji Abdul Hamid, selaku mantan Pengurus IKIM.

Objektif kursus ini adalah seperti yang berikut:

1. Memahami struktur, tadbir urus dan reka bentuk organisasi yang ideal bagi pejabat keluarga Islam.
2. Menguasai strategi unik pelaburan dan perniagaan dalam mencapai matlamat kekayaan keluarga Muslim.
3. Mendalami pemahaman berkenaan isu, cabaran dan amalan terbaik pengurusan kekayaan Islam.

Perkhidmatan pejabat keluarga merangkumi pelbagai aspek seperti kewangan, cukai, perniagaan keluarga, pelaburan, pentadbiran amanah, perancangan harta pusaka, filantropi dan sebagainya. Antara fokus perbincangan yang telah dikongsikan dalam kursus ini termasuk isu-isu berkaitan piagam keluarga, tadbir urus perniagaan keluarga, strategi portfolio pelaburan pejabat keluarga dan pengurusan pewarisan harta seperti wakaf keluarga.

Seramai enam (6) orang penceramah telah membentangkan kertas kerja, iaitu YBrs. En. Ismanizam bin Ismail, Naib Presiden, Unit Pengurusan Kekayaan Islam, Maybank Berhad; YBrs. Cik Kelly Wong Li Yuin, Ketua Pegawai Eksekutif Alpine Advisory; YBhg. Prof. Dr. Mohar bin Yusof, Pakar Penasihat Perniagaan Keluarga, UNIRAZAK; YBrs. Tuan Haji Ariffin b Sabirin, Pengurus Wassiyah Family Office; YBrs. Pn. Suzana binti Md Samsudi, Fellow Pusat Kajian Ekonomi dan Kemasyarakatan (EMAS) IKIM; dan YBhg. Dr. Muhammad Hisyam bin Mohamad, Fellow Pusat Kajian Ekonomi dan Kemasyarakatan (EMAS) IKIM.



Sesi pembentangan bertajuk “Challenges and Opportunities in Islamic Wealth Management” oleh YBrs. En. Ismanizam bin Ismail, Naib Presiden, Unit Pengurusan Kekayaan Islam, Maybank Berhad.



Sesi pembentangan bertajuk “Developing Trust and Relationship With Affluent Muslim Families” oleh YBrs. Cik Kelly Wong Li Yuin, Ketua Pegawai Eksekutif Alpine Advisory.



Sesi pembentangan bertajuk “Islamic Fund and Investment Strategies For The Wealthy” oleh YBrs. Pn. Suzana binti Md Samsudi, Fellow Pusat Kajian Ekonomi dan Kemasyarakatan (EMAS) IKIM.



Sesi pembentangan bertajuk “Building A Legacy: case Studies on Islamic Wealth Management” oleh YBhg. Dr. Muhammad Hisyam bin Mohamad, Fellow Pusat Kajian Ekonomi dan Kemasyarakatan (EMAS) IKIM.

22. BENGKEL AL-QURAN DAN KESIHATAN MENTAL

Bengkel satu (1) hari ini telah diadakan pada 4 Oktober 2022 di IKIM. Kursus ini disasarkan kepada orang awam dan individu yang berminat untuk mendalami isu kesihatan mental serta terapi atau rawatan pemulihan menurut petunjuk al-Quran.

Objektif bengkel ini adalah seperti yang berikut:

1. Memberikan pendedahan berkaitan dengan isu kesihatan mental semasa dan kesan terhadap kehidupan secara keseluruhan.
2. Menjelaskan kepentingan mental yang sihat bagi seseorang agar dapat berfungsi dengan baik sama ada dalam keluarga, tempat kerja mahupun juga masyarakat.
3. Menghuraikan kandungan al-Quran sebagai terapi bagi pemulihan kesihatan mental.
4. Mendedahkan pengalaman yang dihadapi oleh pesakit kesihatan mental dan kejayaan melalui cabaran serta kesungguhan mendapatkan rawatan sehingga memperoleh kesembuhan.

Kesihatan mental merupakan asas bagi kesejahteraan hidup individu dan kemampuan masyarakat untuk berfungsi secara berkesan. Kesihatan mental juga

merupakan ekspresi emosi dan melambangkan keupayaan untuk menyesuaikan diri dalam pelbagai tekanan dan tuntutan hidup. Kesihatan mental boleh terjejas disebabkan masalah sosioekonomi, pertukaran keadaan persekitaran atau sosial secara mendadak, tekanan di tempat kerja, penyakit fizikal dan sebagainya.

Inti pati kursus ini telah dibentangkan oleh para pembentang yang memiliki kepakaran dalam bidang psikiatri seperti Pakar Psikiatri Klinik Pakar Alaminda, YBhg. Dr. Hazli bin Zakaria; Inscale Sdn. Bhd./Major Depressive Disorder & Anxiety Survivor, YBrs. En. Zubair bin Abu Bakar; dan Fellow Kanan, Pusat Kajian Syariah, Undang-undang dan Politik (SYARAK) IKIM, YBrs. En. Md. Asham bin Ahmad. Sesi eksklusif bersama panel diadakan pada akhir sesi kursus ini bagi memberikan peluang kepada peserta untuk mendapatkan nasihat serta bimbingan bagi isu atau permasalahan yang dihadapi. Sesi ini yang turut disertai oleh Fellow Pusat Kajian Ekonomi dan Kemasyarakatan (EMAS) IKIM, YBrs. En. Khairul Azhar bin Idris, mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada peserta.



Sesi pembentangan “Al-Quran dan Pemulihan Jiwa” oleh YBrs. En. Md. Asham bin Ahmad, Fellow Kanan, Pusat Kajian Syariah, Undang-Undang dan Politik (SYARAK), IKIM sementara YBrs. Cik Wan Roslili binti Abd Majid, Fellow Pusat SYARAK, IKIM sebagai moderator.



Sesi perkongsian pengalaman bertajuk “Rebah & Bangkit Semula” oleh YBrs. En. Zubir bin Abu Bakar, Inscale Sdn Bhd/Major Depressive Disorder & Anxiety Survivor.



Sesi Rawatan Kesihatan Mental “Pelangi Sesudah Badai” oleh YBrs. Dr. Hazli Zakaria, Pakar Psikiatri, Klinik Pakar Alaminda.



Sesi eksklusif bersama YBrs. En. Khairul Azhar bin Idris, Fellow Pusat Kajian Ekonomi dan Kemasyarakatan IKIM.

23. 3-DAY COURSE ON THINKING WITH WISDOM

Menginsafi bahawa cara berfikir yang betul adalah amat berkait rapat dengan perlakuan yang wajar, akhlak yang luhur, dan kehidupan yang bermakna, IKIM telah menganjurkan kursus tersebut yang telah berlangsung selama tiga (3) hari bertempat di IKIM.

Objektif kursus ini adalah seperti yang berikut:

1. Memahami hakikat berfikir dan imaginasi.
2. Menguasai kemahiran berfikir secara bertadabbur dan berstrategi melalui pengawalan kendiri dan pertimbangan sebab-akibat keputusan secara mantiqi.
3. Melatih kemahiran memanfaatkan kepintaran yang dikongsi bersama melalui kaedah bersistem *al-bahath wa'l-munazarah*.

Ketua Pengarah IKIM, YBhg. Prof. Madya Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil telah menyampaikan ucapan alu-aluan dalam kursus ini. Kursus yang mengandungi enam modul iaitu *Man & Kind*, *The Knowing & Thinking Mind*, *Logical Mind*, *Dialectical Mind*, *Prospective Mind*, dan *Strategic Mind* ini bertujuan menyampaikan ilmu mengenai hakikat berfikir dan daya imaginasi dan penguasaan cara berfikir, bertadabbur dan berstrategi sebagai persediaan untuk memimpin dengan baik lagi berwibawa. Kesemua modul tersebut telah

dibentangkan oleh ahli-ahli panel yang terdiri daripada YBhg. Dr. Mohd. Zaidi bin Ismail, Timbalan Ketua Pengarah IKIM; YBhg. Dr. Mohd. Sani bin Badron, Fellow Utama/Pengarah Pusat Ekonomi dan Kemasyarakatan (EMAS) IKIM; YBhg. Dr. Mohd. Farid bin Mohd. Shahran, Fellow Utama/Pengarah Pusat Kajian Syariah, Undang-undang dan Politik (SYARAK) IKIM; YBrs. En. Mohd. Asham bin Ahmad, Fellow Kanan, SYARAK IKIM; YBhg. Dr. Nik Roskiman bin Abdul Samad, Fellow Kanan, SYARAK IKIM; dan YBhg. Dr. Muhammad Husni bin Mohd. Amin, Fellow, Pusat Kajian Sains dan Alam Sekitar (KIAS) IKIM. Manakala tutorial bagi setiap modul telah dikendalikan oleh YBhg. Dr. Muhammad Syafiq bin Borhanuddin, Fellow EMAS IKIM.



Ucapan alu-aluan oleh YBhg. Prof. Madya Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM semasa “3 Day Course on Thinking With Wisdom”.



YBhg. Dr. Mohd Zaidi bin Ismail, Timbalan Ketua Pengarah IKIM membentangkan modul bertajuk “The Knowing and Thinking Mind”.



YBhg. Dr. Nik Roskiman bin Abdul Samad, Fellow Kanan, Pusat Kajian Syariah, Undang-Undang dan Politik (SYARAK) IKIM membentangkan modul bertajuk “The Prospective Mind”.



YBhg. Dr. Muhammad Husni bin Mohd Amin, Fellow Pusat Kajian Sains dan Alam Sekitar (KIAS) IKIM membentangkan modul bertajuk “The Strategic Mind”.



Para peserta Kursus “3-Day Course on Thinking With Wisdom” bersama ahli panel.

24. KURSUS BIMBINGAN DAN PANDUAN PENGURUSAN HARTA KELUARGA ISLAM TAHUN 2022

Kursus dua (2) hari ini telah diadakan pada 22–23 November 2022 di IKIM. Kursus ini telah dilaksanakan sejak dari tahun 2019 dan merupakan hasil keprihatinan pihak IKIM terhadap senario kegagalan pengurusan harta keluarga dalam kalangan masyarakat.

Objektif kursus ini adalah seperti yang berikut:

1. Memberi kefahaman yang betul, tepat dan secara spesifik kepada peserta terhadap aplikasi instrumen pengurusan harta seperti faraid, hibah, wasiat dan harta sepencarian secara lebih praktikal.
2. Memberi kefahaman mengenai setiap instrumen kepada peserta dan menyesuaikan pengagihan harta yang hendak dilaksanakan sesuai menurut struktur pewarisan keluarga masing-masing.
3. Membimbing peserta dalam menyediakan dokumentasi hibah dan wasiat yang sah dari segi hukum syarak dan undang-undang. Selain itu memberi kefahaman yang mendalam mengenai permohonan harta sepencarian, prosedur yang dilalui dan berkongsi tips-tips yang berguna.
4. Memberi kefahaman kepada peserta mengenai jenis-jenis pusaka, selain memberi bimbingan kepada peserta dalam menguruskan harta pusaka keluarga mengenai prosedur yang perlu dilalui dan menjelaskan agensi-agensi tertentu yang terlibat dalam pengurusan pusaka.

Seramai lima (5) orang ahli panel telah membentangkan kertas kerja dan seterusnya mengendalikan sesi latihan dalam kumpulan. Para pembentang terdiri daripada YA Tuan Haji Mohammad Taifor bin Ahmad Rusdi, Hakim Mahkamah Rayuan Syariah Perak; Tuan Mohd Faiz bin Adnan, Peguam Syarie, Tetuan Faiz Adnan & Associates; YBrs. Dr. Mohd. Zamro bin Muda, Pensyarah Kanan/Penolong Dekan (Kualiti dan Strategi), Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia; Tuan Baharuddin bin Aziz, Pengarah Bahagian Pembahagian Pusaka, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan, Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli; dan YBrs. Pn. Siti Shamsiah binti Md. Supi, Pegawai Penyelidik Kanan, Pusat Kajian Syariah, Undang-undang dan Politik, IKIM.



YA Tuan Haji Mohammad Taifor bin Ahmad Rusdi, Hakim Mahkamah Rayuan Syariah Perak membentangkan kertas kerja bertajuk “Harta Sepencarian: Prosedur dan Pengalaman di Malaysia”.



YBhg. Tuan Haji Mohd Faiz bin Adnan, Peguam Syarie (Tetuan Faiz Adnan & Associates) membentangkan kertas kerja bertajuk “Pengurusan dan Dokumentasi Hibah”.



YBhg. Dr. Mohd Zamro bin Muda, Timbalan Dekan Prasiswazah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) membentangkan kertas kerja bertajuk “Wasiat: Hukum-Hakam, Prosedur dan Pengalaman di Malaysia”.



YBrs. Tuan Baharuddin bin Aziz, Pengarah Bahagian Pusaka, Bahagian Pembahagian Pusaka, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan membentangkan kertas kerja bertajuk "Prosedur dan Pengurusan Harta Pusaka Kecil di Malaysia".



YBrs. Pn. Siti Shamsiah binti Md Supi, Pegawai Penyelidik Kanan, Pusat Kajian Syariah, Undang-Undang dan Politik (SYARAK), IKIM membentangkan kertas kerja bertajuk "Pengurusan Harta Keluarga Islam".



Para peserta semasa latihan dalam kumpulan sempena Kursus "Bimbingan dan Panduan Pengurusan Harta Keluarga Islam" Tahun 2022.

PROGRAM BUKAN AKADEMIK

25. TITAH SYARAHAN DIRAJA KDYMM SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ IBNI ALMARHUM TUANKU SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ, SULTAN SELANGOR

Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Almarhum Tuanku Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj, Sultan Selangor telah berkenaan mencemar duli ke IKIM pada 12 Oktober 2022. Titah syarahan yang disampaikan oleh DYMM Sultan Selangor merupakan satu wacana penting yang akan membolehkan rakyat daripada pelbagai lapisan masyarakat berbilang bangsa, agama, budaya dan kaum memperoleh pandangan DYMM Sultan Selangor tentang isu berkaitan dengan masyarakat pelbagai agama dan kaum di Malaysia dan usaha-usaha pemerkasaan hubungan dan interaksi dalam masyarakat Malaysia secara keseluruhan.

Objektif program ini adalah seperti yang berikut:

1. Mengetengahkan diskusi berkenaan kepelbagaian dan keharmonian dalam kalangan masyarakat pelbagai agama, bangsa dan budaya di Malaysia,
2. Menjunjung peranan institusi diraja sebagai mekanisme penyatu masyarakat pelbagai agama, bangsa dan budaya di Malaysia.
3. Membicarakan usaha-usaha penting yang boleh dimainkan oleh semua pihak dalam memperkasakan hubungan dalam masyarakat Malaysia.

Pengerusi IKIM, YBhg. Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Mohd Kamal bin Hassan telah menyampaikan sembah ucapan seterusnya diikuti dengan Titah Syarahan oleh DYMM Sultan Selangor yang bertajuk "Keharmonian Dalam Kepelbagaian". Penganjuran program seumpama ini merupakan peluang terbaik IKIM dalam memposisikan kedudukannya sebagai agensi yang sentiasa mendaulatkan Institusi Raja di Malaysia dan seterusnya ruang terbaik menghubungkan institusi raja berpelembagaan dan kepentingannya dalam konteks negara pada hari ini.

Semasa keberangkatan DYMM Sultan Selangor ke IKIM, baginda telah turut melawat koleksi buku nadir yang berada di dalam simpanan Perpustakaan IKIM serta diberi taklimat oleh YBhg. Prof. Tatiana Denisova dan juga telah melawat Radio IKIM.



Sebahagian daripada Ahli Lembaga Pengarah IKIM bergambar bersama Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Almarhum Tuanku Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj, Sultan Selangor. Turut sama ialah YB Senator Datuk Haji Idris bin Haji Ahmad (tiga dari kanan), Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama).



Barisan Pengurusan IKIM bergambar bersama Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Almarhum Tuanku Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj, Sultan Selangor.



Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Almarhum Tuanku Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj, Sultan Selangor ketika menyampaikan titah syarahan.



Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Almarhum Tuanku Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj, Sultan Selangor beramah mesra dengan para tetamu yang hadir.



YBhg. Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Mohd Kamal bin Hassan, Pengurus IKIM, menyampaikan sembah ucapan semasa lawatan rasmii Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Almarhum Tuanku Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj, Sultan Selangor.



Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Almarhum Tuanku Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj, Sultan Selangor turut membuat lawatan ke Radio IKIM.



Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Almarhum Tuanku Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj, Sultan Selangor membuat lawatan ke Perpustakaan IKIM. Taklimat disampaikan oleh YBrs. En. Mohd. Zafri bin Abdul Karim (dua dari kanan).



B A B 3

AKTIVITI RADIO DAN tvIKIM



Institut Kefahaman Islam Malaysia

BAB 3

AKTIVITI RADIO DAN tvIKIM

Menjangkau usia 21 tahun bersiaran sejak dilancarkan pada 6 Julai 2001, Radio IKIM tidak ketinggalan untuk meningkatkan kualiti siaran dan kandungan yang lebih mantap dan relevan. Usaha menyampaikan kefahaman Islam menerusi penyiaran radio melibatkan tokoh dan ilmuan agama yang berkaliber, termasuk ahli akademik dan golongan profesional.

Operasi penyiaran radio pada 2022 kembali seperti biasa setelah mengharungi fasa pandemik penularan COVID-19. Walau bagaimanapun platform digital masih dikekalkan sebagai pilihan penyampaian kandungan siaran. Penekanan kepada penerbitan rancangan baharu dan mempelbagaikan genre penerbitan bagi menarik minat lebih ramai pendengar radio, antaranya rancangan *Gemersik Maulid*, *Kelvin Bertanya*, *Dapur Kita* dan *Moh Tarannum*.

Selain itu, rancangan yang mensasarkan golongan muda turut dipelbagaikan, termasuk penerbitan rancangan *Khabar Orang Muda* dan *Suara Siswa*. Radio IKIM berperanan memberikan pemahaman kepada pendengar muda berkaitan kesedaran meneraju kepimpinan negara memandangkan pada tahun 2022 menyaksikan pelaksanaan Pilihanraya Umum ke-15 yang melibatkan pengundi muda berusia 18 tahun.

Penerbitan rancangan akademik juga diberikan penjenamaan baharu melalui penerbitan rancangan *Lensa* yang menjadi platform penyampaian hasil kajian dan penulisan ahli akademik IKIM yang mengupas topik-topik semasa dari perspektif Islam. Sebagai menyokong usaha mengantarabangsaan IKIM, Radio IKIM telah menampilkan rancangan bual bicara eksklusif *The World Today* bersama moderator YBrs. Dr. Ahmad Al-Muhammady bin Muhammad dan tetamu daripada kalangan duta negara-negara Islam membicarakan hal ehwal antarabangsa, sejarah diplomatik, geopolitik kontemporari dan kepentingan berterusan untuk menggalakkan kewujudan bersama secara aman di tengah-tengah kerumitan dunia global hari ini. Antara duta yang telah ditemubual termasuklah His Excellency Walid Abu Ali, The Ambassador of Palestine, Her Excellency Amna Baloch, The High Commissioner of Pakistan, His Excellency

